

## **BAB KE LIMA**

### **PERSEPSI DAN APLIKASI KOMUNITI CINA MUSLIM TERHADAP DIALOG KEHIDUPAN**

#### **5.0 Pendahuluan.**

Bab ini menjelaskan persepsi komuniti Cina di negeri Terengganu terhadap aspek-aspek dialog kehidupan yang berlaku pada sebelum dan selepas konversi agama Islam. Justeru, fokus kajian menyentuh tentang tahap kefahaman dan sikap komuniti Cina terhadap dialog kehidupan, pengalaman aplikasi dialog kehidupan pra konversi, dialog kehidupan intra dan inter etnik pasca konversi, faktor mendorong dan cabaran yang dilalui dalam menjalinkan dialog kehidupan. Bagi mendapatkan maklum balas yang berkaitan dengan dialog kehidupan, borang soal selidik yang mengandungi 113 item ini dikemukakan kepada komuniti Cina Muslim yang melibatkan diri dengan kelas pengajian agama di pusat latihan Saudara Baru di semua daerah di negeri Terengganu.

Dalam perihal ini, responden diminta untuk memilih salah satu daripada 5 pilihan jawapan yang diberikan iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP) Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Analisis secara deskriptif dilakukan dengan menggunakan kaedah min dan peratus dengan menggunakan skala *likert 5* mata. Selanjutnya, jawapan yang diberikan oleh responden diukur dengan menggunakan SPSS 20. Apabila skor min dibahagikan kepada 3 tahap, ianya memberi petunjuk sebagaimana berikut :

1.00 hingga 2.39 adalah **Rendah**

2.40 hingga 3.79 adalah **Sederhana**

3.80 hingga 5.00 adalah **Tinggi**

Soalan soal selidik yang dirangka ini telah disemak oleh pakar yang berkaitan dengan dialog kehidupan iaitu Prof. Datin Dr. Azizan Binti Baharuddin di Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya merangkap Timbalan Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Ujian rintis yang terakhir telah dilaksanakan pada Mac 2013 ke atas 30 orang komuniti Cina Muslim bagi mengukur validiti dan realibiliti soalan yang dikemukakan. Dapatan kajian menunjukkan tahap kebolehpercayaan terhadap soalan-soalan yang dikemukakan adalah tinggi apabila *Cronbach's Alpha* menunjukkan 0.797. Mohd Najib Abdul Ghafar menyatakan bahawa tahap *Cronbach's Alpha* = 0.71 – 0.90 merupakan tahap kebolehpercayaan yang kuat (71% - 90%).<sup>1</sup> Manakala mengikut Kaplan dan Saccuzo, tahap realibiliti yang baik berada di dalam lingkungan 0.7-0.8.<sup>2</sup> Selanjutnya, beberapa perubahan telah dilakukan khususnya dari aspek bahasa memandangkan dalam kalangan masyarakat Cina agak sukar memahami beberapa istilah yang digunakan. Justeru, penulis menggunakan istilah dialog kehidupan dengan maksud 'hubungan antara agama' atau 'hubungan antara budaya', toleransi dengan makna 'tolak ansur', inter kepada 'antara' dan intra kepada 'sesama'. Berdasarkan pengalaman penyelidik melakukan kunjungan ziarah ke rumah-rumah Saudara Baru Cina berdasarkan alamat yang diberikan oleh Pejabat Agama Terengganu, didapati ramai dalam kalangan Saudara Baru tersebut tidak lagi tinggal di alamat diberikan kerana faktor berpindah ke tempat lain dan kematian. Justeru, borang soal selidik hanya


---

<sup>1</sup> Mohd Najib Abdul Ghafar, *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Penyelidikan*, (Skudai: UTM Press, 2003), 122.

<sup>2</sup> Ahmad Sunawari, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: UKM, 2009), 85.

diedarkan kepada seluruh komuniti Cina Muslim yang mengikuti pengajian agama di Kompleks Darul Hidayah dan pejabat-pejabat agama di seluruh negeri Terengganu. Mokhtar selanjutnya menyatakan bahawa individu atau objek yang dicerap mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama antara satu dengan yang lain dalam populasi.<sup>3</sup> Oleh itu, walaupun borang soal selidik hanya diedarkan kepada komuniti Cina Muslim yang mengikuti pengajian agama di kompleks Darul Hidayah dan Pejabat Agama daerah, namun justifikasi pemilihan responden menepati ciri-ciri sasaran kajian. Mengambil kira jumlah keseluruhan responden adalah seramai 92 orang yang mengikuti kelas pengajian agama Islam di Pusat Latihan Saudara Baru tersebut, jumlah sampel 86 orang melebihi sasaran kajian. Secara terperinci, bilangan responden mengikut daerah-daerah adalah sebagaimana dipaparkan dalam carta pai 5.1 di bawah:-

Carta Pai 5.1: Bilangan responden mengikut daerah.



Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Berdasarkan kepada jadual di atas, dapat dijelaskan bahawa sebahagian besar responden diperolehi dari daerah Kuala Terengganu. Ini adalah kerana majoriti masyarakat Cina tinggal di daerah ini, justeru hasil dapatan memperlihatkan bahawa konversi agama dan aktiviti yang berkaitan Saudara Baru Cina banyak berpusat di daerah tersebut.

<sup>3</sup>Mokhtar Ismail, *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif Dalam Pendidikan*, 98.

## 5.1 Latar Belakang Responden

Jadual 5.1: Latar Belakang Responden

<b>Jantina</b>			<b>Bil</b>	<b>%</b>	
Lelaki			44	51.2%	
Perempuan			42	48.8%	
<b>Umur</b>	<b>Bil</b>	<b>%</b>	<b>Jangka Masa Memeluk Islam</b>	<b>Bil</b>	<b>%</b>
15- 20 tahun	6	7.0%	1-5 tahun	12	14.0%
21-30	7	8.1%	6-15 tahun	27	31.4%
31-40	22	25.6%	Lebih 15 tahun	47	54.7%
41-50	28	32.6%			
51 tahun ke atas	23	26.7%			
<b>Agama Asal Responden</b>	<b>Bil</b>	<b>%</b>	<b>Faktor Memeluk Islam</b>	<b>Bil</b>	<b>%</b>
Buddha	65	75.6%	Petunjuk Dari Allah	31	36.0%
Confucius	2	2.3%	Pembacaan	4	4.7%
Taoisme	3	3.5%	Pergaulan dengan orang Melayu	27	31.3%
Kristian	10	11.6%	Dorongan keluarga	7	8.1%
Campuran	4	4.7%	Perkahwinan	17	19.8%
Tiada agama	2	2.3%			
<b>Maklumat Pekerjaan</b>	<b>Bil</b>	<b>%</b>	<b>Taraf Pendidikan</b>	<b>Bil</b>	<b>%</b>
Bekerja Kerajaan	12	14.0%	SPM	38	44.2%
Swasta	18	20.9%	STPM/Diploma	6	7.0%
Sendiri	23	26.7%	Universiti	7	8.1%
Tidak Bekerja	33	38.4%	Lain-Lain seperti SRP, PMR, sekolah rendah.	35	40.7%
<b>Keturunan Etnik</b>	<b>Bil</b>	<b>%</b>	<b>Status Perkahwinan</b>	<b>Bil</b>	<b>%</b>

Hokkien	46	53.5%	Berkahwin Dengan Orang Melayu	62	72.1%
Kantonis	16	18.6%	Berkahwin Dengan Bukan Melayu	5	5.8%
Hainan	14	16.3%	Belum Berkahwin	11	12.8%
Lain-Lain seperti Teochew, Hakka & Foochow	10	11.6%	Duda/Janda	8	9.3%

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Berdasarkan kepada jadual 5.1 di atas, responden terdiri daripada 86 masyarakat Cina yang memeluk agama Islam di negeri Terengganu iaitu 44 orang lelaki dan 42 orang perempuan. Kebanyakan responden merupakan bekas penganut agama Buddha iaitu seramai 65 orang atau 75.5%, 10 orang bekas penganut Kristian, dua orang bekas pengikut ajaran Confucius dan 3 orang bekas penganut Taoisme, 4 orang campuran dari pelbagai agama dan 2 orang tiada agama (ateis). Ini menunjukkan bahawa majoriti masyarakat Cina di negeri ini mengamalkan ajaran yang diwarisi dari Tanah Besar Cina. Selain itu, gambaran di atas juga menunjukkan bahawa Islam dan Kristian merupakan dua agama yang menjadi alternatif bagi komuniti ini melakukan penghijrahan kepercayaan.

Dari segi etnik pula, seramai 46 orang adalah terdiri dari kelompok Hokkien, 16 Kantonis, 14 Hainan dan 10 orang terdiri daripada etnik yang lain-lain. Kebanyakan responden adalah terdiri daripada golongan yang berumur 41-50 tahun iaitu seramai 28 orang, 7 orang berumur 21-30 tahun, 23 orang berumur 51 tahun ke atas, 6 orang berumur 15-20 tahun dan seramai 22 orang adalah yang berumur 31-40 tahun. Manakala jika dilihat tempoh pemeluk agama Islam, 12 orang daripada responden telah memeluk agama Islam dalam lingkungan 1-5 tahun, 27 orang telah memeluk

agama Islam selama 6-15 tahun manakala seramai 47 orang telah memeluk agama Islam lebih daripada 15 tahun. Seramai 31 orang atau 36% daripada responden menyatakan bahawa faktor yang mendorong mereka memeluk agama Islam adalah disebabkan mendapat petunjuk daripada Allah. 27 orang responden atau 31.3% menyatakan bahawa faktor pergaulan dengan rakan yang beragama Islam mendorong melakukan pemelukan agama baru. Jumlah 17 orang atau 19.8% daripada responden menyatakan bahawa mereka memeluk agama Islam kerana ingin berkahwin dengan pasangan yang beragama tersebut manakala 7 orang daripada responden menyatakan bahawa mereka melakukan pemelukan agama Islam kerana didorong oleh ahli keluarga yang telah melakukan pemelukan agama tersebut. Hasil dapatan juga mendapati hanya 4 orang daripada responden menyatakan bahawa mereka memeluk agama Islam kerana faktor pembacaan tentang agama Islam. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa kebanyakan responden telah berkahwin dengan pasangan berbangsa Melayu Muslim yang merangkumi 72.1% atau seramai 62 orang. Seramai 11 orang masih belum berkahwin, 8 orang berstatus duda atau janda manakala hanya 5 orang sahaja daripada responden yang memilih bukan Melayu sebagai pasangan hidup.

Dari aspek pendidikan pula, jumlah yang terbesar ialah golongan yang mendapat kelulusan SPM sebanyak 44.2%, yang memegang Diploma atau STPM sebanyak 7%, responden yang mempunyai kelayakan Ijazah dari Universiti sebanyak 8.1% manakala 40.7% daripada mereka mendapat pendidikan setakat Sekolah Rendah, SRP atau PMR. Ini menunjukkan kebanyakan responden terdiri daripada golongan yang berpendidikan rendah dan sederhana. Selain daripada itu, seramai 12 orang responden atau 14 % adalah terdiri daripada kakitangan kerajaan, bekerja di sektor swasta pula seramai 18 orang atau 20.9%, 23 orang atau 26.7% bekerja sendiri. Jumlah yang terbesar ialah golongan yang

tidak bekerja yang merangkumi 33 orang atau 38.4% yang terdiri daripada golongan suri rumah dan berada dalam kategori usia emas.

Berdasarkan latar belakang responden di atas, dapat dijelaskan bahawa etnik Hokkien, Kantonis dan Hainan merupakan kelompok yang terbesar melakukan konversi agama Islam di negeri Terengganu. Ia selari dengan kedudukan demografi etnik yang mewakili etnik-etnik yang utama di negeri Terengganu. Gambaran di atas juga memperlihatkan bahawa proses dialog kehidupan yang berlaku ketika pra konversi khususnya melalui ‘pergaulan’ dan ‘perkahwinan’ dengan rakan atau pasangan yang beragama Islam mendorong komuniti ini melakukan pemelukan agama Islam.

## 5.2 Persepsi Responden Terhadap Konsep-Konsep Dialog Kehidupan.

Sebanyak 26 soalan dikemukakan bagi mengukur persepsi komuniti Cina Muslim terhadap elemen-elemen yang berhubung kait dengan dialog kehidupan yang meliputi tentang pemahaman konsep dialog kehidupan, tujuan dan adab dialog, budaya toleransi dalam dialog, pengalaman perkongsian agama semasa pra konversi dan pandangan tentang kepentingan dialog pada masa kini.

### 5.2.1 Pemahaman Terhadap Maksud Dialog Kehidupan

Jadual 5.2: Persepsi Tahap Pemahaman Terhadap Dialog Kehidupan

#### Statistics

		Kefahaman 1	Kefahaman 2	Kefahaman 3	Kefahaman 4	Kefahaman 5
N	Valid	86	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0	0
Mean		3.6860	3.4884	3.5698	3.6163	1.9767

Bil	Bah.B	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
1.	1.	Dialog kehidupan (hubungan antara agama) merupakan sebahagian daripada perbincangan tentang agama.	3 3.5%	12 14%	13 15.1%	39 45.3%	19 22.1%	3.69
2.	2.	Dialog kehidupan (hubungan antara agama) merupakan perbincangan antara dua pihak yang berbeza agama dan budaya yang menyentuh isu kehidupan harian.	2 2.3%	14 16.3%	25 29.1%	30 34.9%	15 17.4%	3.49
3.	3.	Dialog kehidupan (hubungan antara agama) merupakan perkongsian aktiviti dari masyarakat yang berbeza agama.	1 1.2%	9 10.5%	29 33.7%	34 39.5%	13 15.1%	3.57
4.	4.	Dialog kehidupan merupakan satu bentuk interaksi yang mengandungi unsur-unsur keagamaan.	14 16.3%	18 20.9%	0 0%	41 47.7%	13 15.1%	3.61
5.	5.	Dialog kehidupan (hubungan antara agama) merupakan perbincangan agama yang membuang masa sahaja.	32 37.2%	39 45.3%	4 4.7%	7 8.1%	4 4.7%	1.98

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Berpandukan kepada jadual 5.2 di atas, dalam konteks dialog kehidupan yang dilihat sebagai “sebahagian perbincangan tentang agama”, hasil dapatan menunjukkan hanya 3.5% masyarakat responden menyatakan sangat tidak bersetuju dengan soalan yang dikemukakan manakala 14% daripada mereka pula tidak bersetuju. Kebanyakan responden memilih untuk bersetuju sebanyak 45.3% dan sangat bersetuju sebanyak 22.1% manakala hanya 15.1% memberikan jawapan yang tidak pasti. Walaupun hasil dapatan memperlihatkan jumlah yang bersetuju adalah majoriti, namun berdasarkan kepada skor min yang diperolehi 3.69 mata sahaja menunjukkan darjah persetujuan masih berada pada skala yang sederhana. Begitu juga pada soalan yang menyatakan “dialog kehidupan merupakan perbincangan antara dua pihak yang berbeza agama atau budaya yang menyentuh isu kehidupan seharian”. Hasil dapatan menunjukkan skor min 3.49 dengan 34.9% daripada responden memilih untuk bersetuju dan 17.4% menyatakan



sangat bersetuju berbanding hanya 2.3% berpendirian sangat tidak bersetuju dan 16.3% pula memilih untuk tidak bersetuju. Bagi item yang menyatakan “dialog kehidupan merupakan perkongsian aktiviti masyarakat yang berbeza agama” memperlihatkan skor min yang diperolehi juga pada skala yang sederhana iaitu 3.57 mata dengan 39.5% daripada responden menyatakan bersetuju dan 15.1% sangat bersetuju. Selain daripada itu, responden diminta memberi pendirian tentang ‘dialog kehidupan sebagai satu bentuk interaksi yang mengandungi unsur-unsur agama’. Hasil dapatan skor min adalah 3.5 mata dengan jumlah yang bersetuju sebanyak 47.7% dan sangat bersetuju sebanyak 15.1% berbanding 16.3% sangat tidak bersetuju dan 20.9 memberi jawapan tidak bersetuju. Mengambil kira skor min yang diperolehi kurang daripada 3.80, bermakna tahap kefahaman responden terhadap soalan yang dikemukakan adalah sederhana. Biar pun tahap kefahaman responden terhadap konsep-konsep asas dialog kehidupan ini adalah sederhana, didapati majoriti daripada mereka ‘tidak bersetuju’ menyatakan bahawa aktiviti dialog kehidupan merupakan perbincangan agama yang membuang masa. Justeru itu, skor min 1.96 mata menunjukkan darjah persetujuan berada tahap yang rendah dengan jumlah terbesar 45.3% memilih tidak bersetuju dan 37.2% pula menyatakan sangat tidak bersetuju.

Secara keseluruhannya, dapat dinyatakan bahawa persepsi masyarakat Cina Muslim terhadap beberapa perkara asas dalam dialog kehidupan berada pada tahap yang menggalakkan. Menyedari hakikat ini, dialog diakui sebagai satu aktiviti perbincangan antara agama yang memberi faedah bersama. Oleh kerana dialog kehidupan merupakan satu disiplin yang agak baru didengari oleh Saudara Baru, didapati ramai dalam kalangan responden memilih jawapan yang tidak pasti khususnya pada soalan (2) dan (3). Hasil kajian menunjukkan sebanyak 29.1% responden memilih jawapan tidak pasti

pada soalan yang kedua manakala pada soalan seterusnya, sebanyak 33.7% daripada mereka mengambil keputusan untuk berbuat demikian. Walaupun komuniti Cina Muslim tidak memahami dengan baik konsep ‘dialog kehidupan’, namun persepsi terhadap dialog kehidupan sebagai satu bentuk hubungan antara agama ini dianggap satu ilmu yang sangat penting dalam kehidupan mereka. Ini dibuktikan apabila majoriti responden (82.5%) menafikan (STS dan TS) bahawa dialog kehidupan merupakan aktiviti yang membuang masa.

### 5.2.2. Pemahaman Terhadap Tujuan dan Adab Dalam Dialog Kehidupan

Jadual 5.3: Persepsi Tujuan Dan Adab Dialog

Statistics

		Kefahaman 6	Kefahaman 7	Kefahaman 8	Kefahaman 9	Kefahaman 10	Kefahaman 11	Kefahaman 12
N	Valid	86	86	86	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0	0	0	0
Mean		4.1047	2.5930	2.3953	3.8721	4.2907	4.2674	3.9302

Bil	Bah. B	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
6.	6.	Tujuan dialog adalah untuk memupuk rasa harmoni dalam masyarakat majmuk.	3 3.5%	3 3.5%	5 5.8%	46 53.5%	29 33.7%	4.10
7.	7.	Tujuan dialog kehidupan (hubungan antara agama) ialah untuk menyamaratakan agama.	32 37.2%	14 16.3%	10 11.6%	17 19.8%	13 15.1%	2.59
8.	8.	Tujuan dialog kehidupan (hubungan antara agama) adalah supaya peserta menukarkan agama.	26 30.2%	25 29.1%	16 18.6%	13 15.1%	6 7.0%	2.39
9.	9.	Sifat kesederhanaan dalam menjalin hubungan dengan penganut agama lain adalah penting.	3 3.5%	5 5.8%	13 15.1%	44 51.2%	21 24.4%	3.87
10.	10.	Kebijaksanaan sangat penting dalam hubungan antara agama dan budaya.	2 2.3%	1 1.2%	2 2.3%	46 53.5%	35 40.7%	4.29
11.	11.	Saya menunjukkan contoh-contoh yang baik ketika bertemu dengan rakan/keluarga dari agama/budaya yang lain.	1 1.2%	7 8.1%	0 0%	45 52.3%	33 38.4%	4.26

12.	12.	Saya berbincang perbezaan hidup dengan baik dengan masyarakat dari agama/budaya yang lain	2 2.3%	5 5.8%	10 11.6%	49 57%	20 23.3%	3.93
-----	-----	---	-----------	-----------	-------------	-----------	-------------	------

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Seterusnya responden diminta untuk menyatakan pendirian tentang tujuan dialog kehidupan dilaksanakan. Berdasarkan jadual 5.3 di atas, kebanyakan responden mengakui bahawa dialog bertujuan untuk memupuk hubungan yang harmoni dalam kehidupan masyarakat yang berbeza agama dan etnik. Perolehan skor min 4.10 dengan 53.5% yang memilih untuk bersetuju dan 33.7% menyatakan sangat bersetuju menunjukkan responden memahami dengan baik matlamat dialog kehidupan. Walau bagaimana pun, pada item tujuan dialog kehidupan untuk ‘menyamaratakan agama’, hanya 19.8% yang memilih untuk bersetuju dan 15.1% menyatakan sangat bersetuju berbanding 37.2% yang sangat tidak bersetuju dan 16.3% berpendirian tidak bersetuju. Dapatan skor min 2.59 mata menunjukkan bahawa ianya masih berada pada tahap yang sederhana. Bagi soalan yang selanjutnya, majoriti responden memilih ‘tidak bersetuju’ bahawa dialog kehidupan bermotifkan ‘menukar agama’ peserta yang terlibat. Dalam perihal ini, sebanyak 30.2% memilih sangat tidak bersetuju diikuti dengan tidak bersetuju sebanyak 29.1% berbanding hanya 15.1% yang bersetuju dan 7% yang sangat bersetuju manakala 18.6% daripada responden memberi jawapan yang tidak pasti. Perolehan skor min 2.39 mata menunjukkan darjah persetujuan responden berada pada tahap yang rendah.

Selain itu, responden juga ditanya tentang kepentingan nilai ‘kesederhanaan’ semasa menjalankan aktiviti dialog kehidupan. Dalam perihal ini, 51.2% responden memilih untuk bersetuju dengan mengakui perlunya kesederhanaan (*wasatiyyah*) semasa

menjalinkan dialog kehidupan. Hasil kajian juga mendapati 24.4% responden memilih jawapan sangat bersetuju. Justeru, dapatan skor min 3.87 mata menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga, nilai 'kebijaksanaan' sangat diberi perhatian oleh responden ketika menjalinkan hubungan antara agama. Dapatan menunjukkan skor min 4.29 memperlihatkan ianya berada pada tahap yang sangat baik apabila 53.3% daripada responden memilih bersetuju dan 40.7% yang memberi jawapan yang sangat bersetuju. Begitu juga, majoriti responden mengakui bahawa mereka memaparkan 'contoh-contoh yang baik' semasa menjalinkan hubungan dengan rakan dan ahli keluarga yang berbeza agama dengan 52.3% memilih jawapan bersetuju dan 38.4% yang sangat bersetuju. Oleh itu, perolehan skor min 4.26 mata juga menunjukkan ianya berada pada tahap yang tinggi. Pemahaman terhadap tujuan dialog yang amat menggalakkan ini menggambarkan sikap keterbukaan responden untuk berkongsi hidup dengan masyarakat yang lain. Hal yang demikian diperjelaskan lagi dengan pengakuan responden bahawa mereka berbincang perbezaan hidup dengan masyarakat lain pada skala yang tinggi apabila skor min menunjukkan 3.93mata. Sebanyak 57% daripada responden memilih jawapan bersetuju dan 23.3% daripada mereka menyatakan sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan.

Secara keseluruhannya, dapatan menjelaskan bahawa persepsi masyarakat Cina Muslim terhadap tujuan dialog kehidupan adalah tinggi. Ini boleh diperhatikan apabila 87.4% responden berpendirian (S dan SS) bahawa dialog kehidupan merupakan wasilah dalam memupuk keharmonian antara agama. Biar begitu, didapati segelintir dalam kalangan masyarakat Cina Muslim yang masih belum memahami dan tujuan dialog kehidupan adalah untuk menyamaratakan agama. Ini bermakna, dalam beberapa aspek pelaksanaan dialog kehidupan, masyarakat Cina Muslim masih keliru tentang objektif

sebenarnya hubungan antara agama dilaksanakan. Bagi mencapai matlamat yang diinginkan, Saudara Baru Cina mengakui bahawa aktiviti dialog kehidupan perlu dilakukan dengan sikap kesederhanaan (*wasatiyyah*), kebijaksanaan (*hikmah*) dan perlu dimanifestasikan dengan contoh teladan yang terbaik. Kewajaran pendekatan inilah ditekankan oleh Hashim Musa dalam tulisannya yang menyatakan perlunya kesopanan dan berbudi bahasa dalam dialog, hikmah dalam kepelbagaian bangsa dan budaya, dan; nilai-nilai moral seperti kesederhanaan, jujur, syukur dan rasional.<sup>4</sup> Dari sudut Islam, melalui pertemuan dengan rakan bukan Muslim, sama ada sedar atau tidak, peserta akan menonjolkan tatacara dan identiti keIslamannya seperti solat lima waktu, menjaga pemakanan halal dan menunjukkan akhlak yang baik dengan rakan. Keadaan ini secara tidak langsung memberi perhatian kepada rakan dialog yang berbeza agama untuk mengenali dan mempelajari sesuatu yang berbeza daripada pengalaman agama mereka sebelum ini.<sup>5</sup> Berkaitan dengan ini, Abdullah Alwi menyatakan bahawa dialog adalah bertujuan mencapai satu kebajikan, menegakkan makruf, mencegah kemungkaran dan menjadikannya sebagai amalan yang terbaik.<sup>6</sup> Ini bermakna, dialog kehidupan menghendaki akan setiap peserta memahami konsep dengan baik, perubahan terhadap sikap daripada tertutup kepada terbuka, dinamik dan tidak feodalistik. Tegasnya, dialog kehidupan memerlukan kepada persediaan yang tuntas sama ada dari sudut kefahaman dan tindakan daripada semua pihak agar objektif yang ingin dicapai dapat dilakukan dengan sempurna.

---

<sup>4</sup> Hashim Musa, "Islam dan Dialog antara Peradaban: Konsep dan Idealisme," dalam *Islam dan Dialog Peradaban: Satu Perspektif*, ed. Azizan Baharuddin, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya), 21-2.

<sup>5</sup> Khadijah Mohd Khambali @ Hambali et al., "Peranan Teratak Fitrah Dalam Melestarikan Jalanan Dialog Kehidupan Saudara Baru di Sabah," dalam *Seminar Kebangsaan Dakwah Saudara Kita : Isu Dan Cabaran Semasa*, (Pulau Pinang: USM, 2010), 223.

<sup>6</sup> Abdullah Alwi Hj Hassan, "Dialog Peradaban: Praktik dan Kerelevannya Hari Ini," dalam *Islam Dan Dialog Peradaban: Satu Perspektif*, ed. Azizan Baharuddin, (Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya) 66.

### 5.2.3 Pemahaman Budaya Toleransi

Jadual 5.4: Tahap Pemahaman Terhadap Budaya Toleransi

#### Statistics

		Kefahaman 13	Kefahaman 14	Kefahaman 15	Kefahaman 16
N	Valid	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0
Mean		4.4884	3.7093	4.0000	3.1628

Bil.	Bah. B	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
13.	13.	Hormat-menghormati adalah asas dalam berbuat baik antara agama.	2 2.3%	2 2.3%	1 1.2%	28 32.6%	53 61.6%	4.49
14.	14.	Agama asal saya mengajar saling kenal mengenal dan menghormati agama orang lain	5 5.8%	12 14%	10 11.6%	35 40.7%	24 27.9%	3.71
15.	15.	Hubungan antara budaya amat memerlukan nilai toleransi (tolak ansur).	3 3.5%	2 2.3%	9 10.5%	50 58.1%	22 25.6%	4.00
16.	16.	Agama asal saya menerima dengan baik perbezaan yang ada pada agama lain	6 7%	17 19.8%	25 29.1%	33 38.4%	5 5.8%	3.16

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Ternyata, berpandukan jadual 5.4 di atas, hasil kajian menunjukkan majoriti responden berpendirian bahawa sikap “hormat-menghormati” merupakan tunjang dalam menjalinkan dialog kehidupan. Sebanyak 32.6% memilih untuk bersetuju dan 61.6% menyatakan sangat bersetuju berbanding hanya masing-masing dua orang sahaja yang sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Justeru, skor min 4.49 menunjukkan ianya berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga dengan item “agama asal saya mengajar saling kenal mengenal dan menghormati agama orang lain”. Majoriti responden memilih jawapan untuk bersetuju sebanyak 40.7% dan sangat bersetuju sebanyak 27.9% terhadap soalan yang diberikan. Walau bagaimanapun dapatan skor min 3.71 menunjukkan ia berada pada skala yang agak sederhana. Selain daripada itu,

majoriti Saudara Baru Cina mengakui perlunya sikap berlapang dada atau toleransi dalam menjalinkan hubungan antara budaya. Dalam konteks ini, dapatan skor min 4.00 mata dengan 58.1% memilih untuk bersetuju dan 25.6% menyatakan sangat bersetuju memperlihatkan ianya berada pada tahap yang tinggi. Bagi soalan yang seterusnya, responden mengakui bahawa ‘agama asal’ mengajar agar menerima perbezaan agama orang lain dengan 38.4% memilih untuk bersetuju dan 5.8% menyatakan sangat bersetuju berbanding 7% hanya memilih sangat tidak bersetuju, 19.8% memberi jawapan tidak bersetuju dan 29.1% tidak dapat memberi kepastian. Walaupun begitu, berdasarkan perolehan skor min 3.17 mata menunjukkan ianya masih berada pada tahap yang sederhana.

Boleh dikatakan, pemahaman terhadap nilai-nilai toleransi menjadi pemangkin dalam kalangan masyarakat Cina pra konversi untuk menghormati, menghargai dan bekerja sama dengan penganut agama yang lain. Dari kaca mata Islam pula, konsep saling kenal mengenal yang dijelaskan sebagai model hubungan antara agama ini disebut sebagai *lita‘ārafu* dalam sūrah al-Hujurāt ayat 13 menjadi prinsip utama toleransi.<sup>7</sup> Berdasarkan dapatan kajian di atas juga, pemahaman masyarakat Cina Muslim terhadap pembudayaan nilai toleransi dalam aktiviti dialog kehidupan adalah tinggi. Justeru, ini memperlihatkan bahawa nilai toleransi merupakan salah satu akses bagi masyarakat Cina pra konversi mengenal agama dan budaya masyarakat lain dengan lebih dekat. Pengakuan masyarakat Cina pra konversi bahawa nilai toleransi ini wujud dalam ajaran agama asal juga menunjukkan bahawa elemen ini merupakan satu keperluan dalam pemupukan masyarakat heterogen yang harmonis.

---

<sup>7</sup> Zainal Abidin Borhan, “Toleransi Agama Sebagai Teras Dialog Peradaban,” dalam Islam dan *Dialog Peradaban: Satu Perspektif*. hlm 79.

## 5.2.4 Sikap Dalam Memahami Agama Masyarakat Muslim

Jadual 5.5: Memahami Agama Masyarakat Lain

### Statistics

		Kefahaman 17	Kefahaman 18	Kefahaman 19	Kefahaman 20	Kefahaman 21	Kefahaman 22
N	Valid	86	86	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0	0	0
Mean		4.1744	3.6395	3.1628	4.0116	4.1047	4.1395

Bil	Bah. B	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
17.	17.	Mempelajari budaya masyarakat Muslim bukan merupakan satu kesalahan.	2 2.3%	4 4.7%	0 0%	51 59.3%	29 33.7%	4.17
18.	18.	Dialog kehidupan (hubungan antara agama) menyebabkan saya menghargai perbezaan yang ada pada penganut agama lain.	6 7%	11 12.8%	5 5.8%	50 58.1%	14 16.3%	3.63
19.	19.	Masyarakat asal saya mendorong saya agar melakukan hubungan yang baik dengan masyarakat Muslim.	8 9.3%	18 20.9%	17 19.8%	38 44.2%	5 5.8%	3.16
20.	20.	Saya memahami agama orang lain melalui hubungan dengan rakan yang berbeza agama.	1 1.2%	4 4.7%	4 4.7%	61 70.9%	16 18.6%	4.01
21.	21.	Perbincangan dengan rakan yang berbeza agama mampu menghilangkan sifat negatif (contoh prasangka buruk atau emosi).	2 2.3%	4 4.7%	0 0%	63 73.3%	17 19.8%	4.10
22	22.	Kerjasama antara agama boleh membantu menghilangkan salah faham dalam masyarakat.	3 3.5%	2 2.3%	0 0%	61 70.9%	20 23.3%	4.14

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Tuntasnya, dapatan soal selidik berdasarkan jadual 5.5 di atas menunjukkan bahawa majoriti responden beranggapan mempelajari budaya masyarakat Muslim bukan merupakan satu kesalahan. Sebanyak 59.3% menyatakan bersetuju dan 33.7% pula memilih sangat bersetuju dengan kenyataan ini. Justeru skala min menunjukkan bacaan



4.17 menunjukkan bahawa ianya berada pada tahap yang tinggi. Azizan Baharudin menyatakan bahawa kita memerlukan pendedahan yang ilmiah dan tepat tentang sesebuah masyarakat bagi membantu kita meneruskan perasaan muhibah sekalipun wujud perbezaan yang ketara. Ini jugalah yang ditegaskan oleh Ahmad Faizuddin Ramli & Jaffary Awang yang berpandangan bahawa dialog adalah cara untuk berkongsi berfikir, bertukar pandangan, memahami persepsi dan pendirian berhubung sesuatu isu yang sama dan boleh membawa tumpuan kepada isu-isu tertentu.<sup>8</sup>Natijahnya, seseorang itu akan menghargai perbezaan yang ada pada orang lain.<sup>9</sup> Dalam perihal ini, berdasarkan kepada hasil kajian hanya 58.1% responden yang bersetuju dan 16.3% memilih sangat bersetuju menyatakan bahawa dialog kehidupan menyebabkan ia menghargai perbezaan yang ada pada penganut agama lain. Justeru, skor min 3.63 mata menjelaskan bahawa darjah persetujuan terhadap item yang diberikan berada pada skala yang sederhana. Selanjutnya, jumlah responden mengakui bahawa ‘masyarakat asal’ mendorong melaksanakan hubungan yang baik dengan masyarakat Muslim adalah sebanyak 44.2% bersetuju dan 5.8% pula sangat bersetuju. Pun begitu, perolehan skor min hanya 3.16 menunjukkan skala persetujuan masih lagi berada pada tahap yang sederhana. Darjah persetujuan yang sederhana ini berkait rapat dengan sebahagian masyarakat Cina di negeri Terengganu yang berwaspada terhadap pengaruh agama Islam dalam kehidupan semasa mereka.<sup>10</sup> Ini terbukti apabila hasil kajian menunjukkan 30.2% responden memberi jawapan sekurang-kurangnya ‘tidak bersetuju’ terhadap soalan yang diberikan.

---

<sup>8</sup> Ahmad Faizuddin Ramli & Jaffary Awang, “Kefahaman Dialog Antara Agama Dalam Kalangan Ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM Johor) Dan Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (Ipsi)”, dalam *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2013)* 13 November 2013, 44.

<sup>9</sup> Azizan Baharudin, Dialog Peradaban: Perspektif Global dan Lokal dalam *Islam dan Dialog Peradaban: Satu Perspektif*, 19.

<sup>10</sup> Tan Yao Sua & Kamarudin Ngah, *Pengekalan Dan Penyebaran Budaya Cina di Sebuah Negeri Melayu*, (Puchong: Vinlin Press Sdn Bhd, 2012), 61.

Biar pun begitu, majoriti responden mengakui bahawa mereka memahami agama lain melalui interaksi dengan rakan yang berbeza agama. Dapatan skor mata 4.01 menunjukkan ianya pada situasi yang tinggi. Sebanyak 70.9% bersetuju dan 18.6% sangat bersetuju dengan kenyataan ini. Dalam hubungan antara agama yang lebih jauh, responden mengakui pernah 'bertanya' tentang perbezaan yang wujud dalam budaya dan agama masyarakat lain. Sehubungan dengan itu, darjah persetujuan berada pada tahap yang tinggi apabila skor min menunjukkan bacaan 4.10. Sebanyak 73.3% berpendirian untuk bersetuju manakala 19.8% pula menyatakan sangat bersetuju dengan soalan yang diberikan. Bagi soalan 'kerjasama antara agama diharapkan dapat menghilangkan salah faham dalam masyarakat beragama', jumlah responden yang memilih untuk bersetuju adalah sebanyak 70.9% dan berpendirian sangat bersetuju pula sebanyak 23.3%. Berdasarkan dapatan skor min 4.14, ianya menunjukkan darjah persetujuan berada pada tahap yang tinggi.

Pergaulan dengan rakan yang berbeza agama menjadi salah satu kunci bagi masyarakat Cina Muslim mengenal agama masyarakat lain. Lantaran itu, hubungan antara agama yang berteraskan kepada nilai toleransi yang tinggi dengan saling hormat menghormati antara satu sama lain dilihat mampu melahirkan suasana hidup yang aman dan sejahtera. Suraya menyatakan bahawa melalui proses inilah, dialog seharian akhirnya memupuk jalinan perkenalan dan hubungan akrab antara pihak berbeza agama.<sup>11</sup> Mohd Farid Shahrin menyatakan bahawa interaksi antara agama dapat menjelaskan kebenaran agama, mengelakkan salah faham antara penganut dan membentuk jalinan persefahaman. Malah ianya mampu menjamin kelangsungan

---

<sup>11</sup>Suraya Sintang, (2010) 'Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah; Kajian Pengalaman Saudara Baru' (Tesis PhD Universiti Malaya)

keharmonian dalam kehidupan bersama (*peaceful co-existence*).<sup>12</sup> Mengambil kira dapatan di atas, dapat dijelaskan bahawa toleransi antara umat yang berlaku dalam kalangan masyarakat Cina pra konversi merupakan satu bentuk mekanisme sosial bagi menyingkap kepelbagaian unsur agama. Selain itu, perbincangan dan perkongsian aktiviti secara sukarela mampu melestarikan keharmonian dalam masyarakat yang berbilang agama dan budaya. Hakikat ini dipaparkan dalam pengalaman masyarakat Cina pra konversi di negeri Terengganu untuk memahami dan mempelajari agama masyarakat lain apabila skor min bagi kesemua 6 soalan tersebut berjumlah 3.87. Justeru, ianya memperlihatkan situasi yang cukup tinggi bagi masyarakat Cina pra konversi memahami agama dan budaya komuniti Melayu Muslim di negeri Terengganu.

### 5.2.5 Keperluan Dialog Kehidupan Dalam Konteks Semasa

Jadual 5.6: Persepsi Keperluan Terhadap Dialog Kehidupan

#### Statistics

		Kefahaman_23	Kefahaman_24	Kefahaman_25	Kefahaman_26
N	Valid	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0
Mean		3.6977	4.1860	4.0698	4.2093

Bil	Bah. B	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
23.	23.	Hubungan sesama agama dan antara agama dapat menghubungkan ikatan silaturahmi (persaudaraan).	9 10.5%	8 9.3%	2 2.3%	48 55.8%	19 22.1%	3.70
24.	24.	Hubungan sesama agama yang baik diperlukan di negeri Terengganu.	2 2.3%	7 8.1%	0 0%	46 53.5%	30 34.9%	4.19
25.	25.	Masyarakat Cina Muslim boleh memupuk hubungan yang baik dengan Cina bukan Muslim.	1 1.2%	0 0%	11 12.8%	54 62.8%	20 23.3%	4.07

<sup>12</sup> Mohd Farid Sharan, "Muzakarah Pendisiplinan Dialog Antara Agama dan Peradaban", (22 Januari, 2008), 3-4.

26.	26.	Masyarakat Cina Muslim boleh memupuk hubungan yang baik dengan masyarakat Melayu Muslim.	3 3.5%	1 1.2%	0 0%	54 62.8%	28 32.6%	4.21
-----	-----	--	-----------	-----------	---------	-------------	-------------	------

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Jadual 5.6 di atas menunjukkan kebanyakan responden mengakui bahawa ‘hubungan sesama agama dan antara agama’ dapat mengeratkan jalinan hubungan persaudaraan dan silaturahim. Sebanyak 55.8% memilih yang bersetuju manakala 22.1% pula menyatakan sangat bersetuju dengan soalan yang diberikan. Walau bagaimanapun, dapatan skor min 3.70 menunjukkan perihal ini masih berada pada skala yang sederhana. Dalam konteks negeri Terengganu, responden melihat hubungan antara agama sememangnya amat diperlukan apabila skor min menunjukkan ianya berada pada mata 4.19. Jumlah responden yang bersetuju terhadap soalan yang diberikan ialah 53.5% manakala 34.9% berpendirian sangat bersetuju. Lantaran itu, masyarakat Cina Muslim meyakini bahawa mereka mampu memupuk hubungan yang baik dengan masyarakat asal yang bukan Muslim. Perolehan skor min 4.07 mata dengan jumlah responden yang tidak bersetuju hanya seorang manakala 12.8% daripada mereka tidak dapat memberi kepastian terhadap soalan yang diberikan. Justeru itu, hasil dapatan menunjukkan darjah persetujuan berada pada tahap yang tinggi. Begitu juga dalam konteks hubungan dengan masyarakat Melayu Muslim, majoriti masyarakat Cina Muslim meyakini bahawa mereka mampu bekerjasama dan hidup dengan harmoni pada tahap yang tinggi apabila skor min menunjukkan 4.21 mata. Peratus yang bersetuju adalah 62.8% manakala 32.6% menyatakan sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan.

Berdasarkan hasil kajian di atas juga, dapat dijelaskan bahawa dalam konteks masyarakat majmuk yang beraneka kepercayaan dan budaya, dialog kehidupan menjadi

satu keperluan yang tidak boleh dipandang mudah. Dalam perihal ini, Azizan menyatakan bahawa dialog dapat memperkukuhkan jalinan perpaduan negara dan integrasi nasional yang merupakan kunci kelangsungan dan keamanan negara.<sup>13</sup>Walaupun komuniti Cina merupakan etnik yang membentuk jumlah yang kecil di negeri Terengganu, hakikatnya cabaran-cabaran yang berlaku dalam kehidupan masyarakat multietnik ini boleh berlaku di mana-mana. Justeru itu, Saudara Baru Cina berperanan menjernihkan prasangka dan membuka ruang yang luas untuk mendekati diri kepada masyarakat yang berbeza pemikiran, kepercayaan dan budaya melalui perkongsian kegiatan.

Biarpun kajian ini hanya memberi fokus kepada dialog kehidupan, namun dapatan kajian ini menyokong kajian yang terdahulu yang memberi tumpuan terhadap hubungan antara agama yang berlaku di Malaysia. Dalam perihal ini Suraya Sintang<sup>14</sup> tidak memberi penekanan terhadap aspek kefahaman dialog kehidupan dalam kalangan Saudara Baru di Sabah manakala kajian yang dilakukan oleh Azmi Suratman et.al<sup>15</sup> mendapati tahap kefahaman dialog peradaban dalam kalangan pelajar tahun Universiti Teknologi Malaysia adalah sederhana. Wan Ariffin Wan Yon et al.<sup>16</sup>mendapati elemen dialog kehidupan telah diaplikasi dalam kalangan masyarakat Kristian dan Muslim di daerah Tepedu walaupun tahap kefahaman terhadap konsep dialog ini tidak begitu mendalam.

---

<sup>13</sup> Azizan Baharuddin, "Peranan Dialog Peradaban Di Dalam Wacana Tamadun Malaysia", *Jurnal Peradaban – Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban*, Universiti Malaya, (2008), 2.

<sup>14</sup>Suraya Sintang, "Dialog Kehidupan Dalam Hubungan Antara Agama di Sabah: Kajian Pengalaman Saudara Baru", (Tesis kedoktoran Universiti Malaya 2012)

<sup>15</sup>Azmi Shah Bin Suratman et al., "*Tahap Dialog Peradaban: Kajian Di Kalangan Pelajar Tahun 3 Universiti Teknologi Malaysia*," (Laporan Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia, 2007).

<sup>16</sup>Wan Ariffin Wan Yon et al., "Bridging The Muslim – Christian Relations Through Dialogue of Life: Muslim Perspective," *International Conference on Social Science and Humanity IACSIT*, V.2 (2011), 138-41.

### 5.3 Aplikasi Pengalaman Dialog Kehidupan Komuniti Cina Pra Konversi

Pengukuran terhadap tahap pengalaman aplikasi komuniti Cina pra konversi dalam dialog kehidupan merangkumi aspek-aspek perkongsian aktiviti seharian. Ini diserlahkan melalui penglibatan komuniti ini dalam budaya masyarakat Melayu Muslim, pergaulan dan penglibatan dalam aktiviti masyarakat Melayu Muslim yang mengandungi unsur-unsur agama. Oleh itu, pengalaman dialog kehidupan yang berlaku pada peringkat ini mencerminkan fenomena hubungan antara agama yang berlaku antara masyarakat Cina yang terdiri daripada aneka kepercayaan dengan masyarakat Melayu yang beragama Islam.

#### 5.3.1 Perkongsian Budaya Masyarakat Melayu Muslim

Jadual 5.7: Tahap Penglibatan Dalam Budaya Masyarakat Melayu Muslim

##### Statistics

		Dialog_sblm1	Dialog_sblm2	Dialog_sblm3	Dialog_sblm4	Dialog_sblm5
N	Valid	86	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0	0
Mean		3.9884	3.6047	3.2907	3.6512	2.9070

Bil	Bah. C	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
27.	1.	Saya menghadiri rumah terbuka sambutan hari raya masyarakat Melayu Muslim.	2 2.3%	7 8.1%	5 5.8%	48 55.8%	24 27.9%	3.99
28.	2.	Saya selalu melibatkan diri dalam aktiviti seperti gotong royong, kenduri-kendara yang dianjurkan oleh masyarakat Muslim.	4 4.7%	15 17.4%	9 10.5%	41 47.7%	17 19.8%	3.61
29.	3.	Saya mengamalkan dengan baik adat dan budaya masyarakat Melayu Muslim.	5 5.8%	25 29.1%	9 10.5%	34 39.5%	13 15.1%	3.29
30.	4.	Saya sering bertanya budaya kehidupan dan agama masyarakat Melayu Muslim.	2 2.3%	18 20.9%	7 8.1%	40 46.5%	19 22.1%	3.65

31.	5.	Saya terlibat dalam aktiviti agama masyarakat Melayu Muslim di sekolah.	8 9.3%	5 5.8%	5 5.8%	52 60.5%	15 17.4%	2.91
-----	----	---	-----------	-----------	-----------	-------------	-------------	------

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Hensman menyatakan bahawa dialog kehidupan memaparkan dua pihak bekerjasama dalam suasana positif dalam mencari kesepakatan untuk menjana keharmonian. Kedua-dua pihak beriltizam menggembelng aktiviti secara bersama sama ada upacara agama atau menyentuh budaya orang lain.<sup>17</sup> Dalam konteks negeri Terengganu, perkongsian budaya masyarakat Melayu Muslim yang begitu ketara boleh diperhatikan dalam kehidupan masyarakat Cina yang tinggal di perkampungan Melayu Muslim.<sup>18</sup> Aktiviti gotong royong, sambutan hari raya, kenduri-kendara dan aktiviti yang mengandungi adat resam masyarakat Melayu Muslim yang digembelng secara bersama merupakan beberapa contoh perkongsian yang melangkaui batas budaya.

Berdasarkan hasil kajian dari jadual 5.7 sebagaimana di atas, kebanyakan responden mengakui menghadiri sambutan Hari Raya di rumah rakan Muslim. Sebanyak 55.8% memilih untuk bersetuju manakala 27.9% menyatakan sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan. Justeru, dapatan skor min 3.99 memperlihatkan aplikasi dialog kehidupan berlaku pada skala yang tinggi. Walau bagaimanapun, pada item yang seterusnya hasil dapatan menunjukkan masyarakat Cina pra konversi di negeri Terengganu terlibat dalam aktiviti kenduri-kendara dan gotong royong dengan masyarakat Melayu Muslim berada pada skala sederhana apabila skor min yang memperoleh 3.61 mata sahaja. Jumlah responden yang bersetuju dengan kenyataan ini ialah 47.7% atau 41 orang manakala 19.8% menyatakan sangat bersetuju berbanding dengan tidak bersetuju sebanyak 17.4% dan 4.7% memilih untuk sangat tidak bersetuju.

<sup>17</sup> Hensman, J. M., "The Dialogue of Life as the Locus of Non-verbal Interreligious Dialogue". *East Asian Pastoral Review* 1999, Volume 36 (1999) No. 3. <http://eapi.admu.edu.ph/content/dialogue-life-locus-non-verbal-interreligious-dialogue>.

<sup>18</sup> Tan Chee Beng, *Chinese Minority in A Malay State. The Case of Terengganu in Malaysia*, (Singapore: Eastern Universities Press, 2002), 17.

Selanjutnya, masyarakat Cina pra konversi mengakui bahawa mereka mengamalkan adat dan budaya masyarakat Melayu Muslim pada skala sederhana apabila skor min memperoleh 3.29 mata. Jumlah yang terbesar adalah yang terdiri dalam kalangan yang memilih bersetuju sebanyak 39.5% atau 34 orang manakala hanya 15.1% yang menyatakan sangat bersetuju. Sebaliknya, responden yang tidak bersetuju sebanyak 29.1% dan berpendirian sangat tidak setuju sebanyak 5.8%. Ini menjelaskan bahawa tidak kesemua masyarakat Cina pra konversi mengetahui dengan baik budaya masyarakat Melayu Muslim.

Pada soalan yang seterusnya, responden di minta memberi pendirian “saya sering bertanya perihal agama dan budaya”. Oleh kerana budaya masyarakat Melayu banyak berbaur dengan elemen-elemen agama Islam, jadi penglibatan dalam dialog kultur ini mendedahkan komuniti Cina kepada praktis dan kepercayaan masyarakat Muslim. Selanjutnya, soalan memaparkan bagaimana responden berdialog secara langsung bagi mengetahui hakikat di sebalik budaya hidup dan agama yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Muslim. Dalam perihal ini, 46.5% memilih untuk bersetuju dan 22.1% menyatakan sangat bersetuju bertanya tentang budaya dan agama masyarakat Melayu Muslim. Biar pun begitu, dapatan skor min 3.61 masih menunjukkan ia berada pada skala yang sederhana. Soalan yang seterusnya adalah melihat sejauh mana tahap penglibatan masyarakat Cina pra konversi dalam aktiviti agama rakan Muslim di sekolah. Hasil dapatan menunjukkan 60.5% bersetuju dan 17.4% sangat bersetuju menyatakan pernah melibatkan diri dalam aktiviti dialog kehidupan di sekolah. Namun begitu, hasil dapatan skor min 2.91 menunjukkan ianya masih berada pada skala yang sederhana. Secara keseluruhannya, pengalaman dialog kehidupan masyarakat Cina pra konversi yang menyentuh perkongsian budaya masyarakat Melayu setempat berada pada



tahap yang sederhana dengan purata min keseluruhan adalah 3.49. Ini bertepatan dengan kajian awal temu bual yang dilakukan oleh penulis bahawa pergaulan komuniti Cina pra konversi dengan rakan Muslim di kampung dan pendidikan bersama di sekolah banyak mendedahkan nilai sebenar agama Islam kepada komuniti ini.

Proses akulturasi budaya yang telah lama berlaku dalam kehidupan sebahagian masyarakat Cina di negeri Terengganu memudahkan aktiviti dialog kehidupan dilaksanakan. Jadi, inilah yang membezakan hubungan sosial yang berlaku antara masyarakat Cina di negeri Terengganu dengan komuniti Cina negeri-negeri lain di Malaysia. Biarpun begitu, masih terdapat kelompok yang merasa janggal dengan budaya tempatan masyarakat Melayu Muslim. Hal ini kerana, komuniti Cina yang berhijrah ke negeri Terengganu, memeluk agama Islam dan selanjutnya berkahwin dengan masyarakat Melayu Muslim tempatan melihat bahasa, adat resam, pemakanan, pakaian dan persekitaran hidup merupakan sesuatu pendedahan yang baru.<sup>19</sup> Jika sesuatu budaya itu terus dikongsi, digunakan dan dipupuk oleh kedua komuniti ini, pastinya dialog kehidupan akan tetap berkekalan dan kukuh sebagai satu wahana pemupukan hubungan harmonis dalam kehidupan masyarakat multi etnik.

### 5.3.2 Pengalaman Perkongsian Hidup Melalui Pergaulan

Jadual 5.8 : Tahap Penglibatan Dialog Melalui Pergaulan

Statistics

	Dialog_sblm6	Dialog_sblm7	Dialog_sblm8	Dialog_sblm9	Dialog_sblm10	Dialog_sblm11	Dialog_sblm12
N Valid	86	86	86	86	86	86	86
Missing	0	0	0	0	0	0	0
Mean	3.7093	3.9186	3.8372	3.7907	4.0349	2.1395	3.5930

<sup>19</sup>Abdul Halim Lim Abdul Rahman, (Pengetua Kompleks Darul Hidayah), dalam temu bual dengan penulis, 26 Mac 2012.

Bil	Bah.C	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
32.	6.	Bergaul dengan rakan berlainan agama dapat memupuk toleransi (tolak ansur) beragama.	8 9.3%	5 5.8%	6 7.0%	52 60.5%	15 17.4%	3.70
33.	7.	Saya dapat memahami akhlak Islam melalui pergaulan dengan rakan Muslim.	1 1.2%	2 2.3%	11 12.8%	61 70.9%	11 12.8%	3.92
34.	8.	Saya sedia berbincang tentang persoalan agama dengan rakan yang berlainan agama.	1 1.2%	2 2.3%	20 23.3%	50 58.1%	13 15.1%	3.84
35.	9.	Saya pernah bertanya rakan-rakan Muslim tentang amalan sembahyangnya.	2 2.3%	6 7.0%	17 19.8%	44 51.2%	17 19.8%	3.79
36.	10.	Saya bersedia membantu rakan berlainan agama dalam urusan seharian.	2 2.3%	0 0%	9 10.5%	57 66.3%	18 20.9%	4.04
37.	11.	Keluarga saya tidak mempedulikan penglibatan saya dalam aktiviti keagamaan rakan Muslim.	24 27.9%	41 47.7%	10 11.6%	7 8.1%	4 4.7%	2.14
38.	12.	Saya menjemput jiran, rakan Muslim bagi meraikan Sambutan Tahun Baru Cina	1 1.2%	12 14%	20 23.3%	41 47.7%	12 14%	3.59

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Sebagaimana yang dijelaskan bahawa proses pembelajaran dan mengenal agama Islam lain juga berlaku melalui pergaulan dengan rakan Muslim. Sehubungan dengan itu, masyarakat Cina pra konversi mengakui bahawa pergaulan dengan rakan yang berbeza agama menjadi instrumen dalam pemupukan nilai toleransi. Hasil dapatan dengan berpandukan jadual 5.8 seperti di atas memperlihatkan bahawa majoriti responden bersetuju iaitu 60.5% manakala 17.4% memilih sangat bersetuju berbanding kelompok yang tidak bersetuju hanya 5.8% dan sangat tidak bersetuju sebanyak 9.3% terhadap soalan yang diberikan. Walau bagaimanapun dapatan skor min 3.70 menunjukkan ianya masih berada pada tahap yang sederhana.

Kepelbagaian etnik mendedahkan setiap anggota masyarakat kepada pergaulan yang merentasi kaum dan agama. Soalan selanjutnya ialah menyentuh proses memahami akhlak masyarakat Melayu Muslim melalui pergaulan dengan rakan yang beragama Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat Cina pra konversi

juga mengakui bahawa mereka memahami akhlak Islam melalui pergaulan dengan rakan Muslim. Ini terbukti apabila 70.9% daripada responden memilih untuk bersetuju dan 12.8% berpendirian sangat bersetuju. Justeru, dapatan skor min 3.92 menunjukkan ianya berada pada tahap yang tinggi.

Bertitik tolak daripada itu, responden bersoal jawab tentang praktis agama yang lebih khusus yang berlaku dalam kehidupan rakan Muslim. Dalam perihal ini, jumlah 51.2% yang bersetuju dan 19.8% yang memilih sangat bersetuju 'kesediaan berbincang tentang persoalan agama dengan rakan yang berbeza agama' semasa bergaul. Dapatan skor min 3.84 menunjukkan pengalaman dialog kehidupan masyarakat Cina pra konversi dalam item ini berada pada skala yang tinggi. Ini dibuktikan melalui pengalaman responden memahami amalan solat rakan-rakan Muslim dengan bertanya (berdialog). Justeru itu, jumlah 51.2% daripada responden bersetuju dan 19.8% sangat bersetuju dengan perolehan skor min 3.79 menunjukkan ia masih berada pada tahap yang sederhana.

Seterusnya, responden diminta untuk menyatakan pendirian 'pengalaman membantu rakan yang berlainan agama dalam urusan seharian' semasa pra konversi. Dalam perihal ini, sebanyak 66.3% daripada responden menyatakan bersetuju dan 20.9% memilih sangat bersetuju kesediaan dalam membantu rakan yang berbeza agama. Jadi, dapatan skor 4.04 menunjukkan ianya juga berada pada tahap yang tinggi. Mengambil kira hubungan antara agama disifatkan berada pada tahap yang agak menggalakkan, majoriti masyarakat Cina tidak mengakui bahawa keluarga mereka tidak mempedulikannya melibatkan diri dalam kegiatan yang mengandungi unsur keagamaan rakan Muslim. Jumlah 47.7% yang memilih tidak bersetuju dan 27.9% menyatakan sangat tidak bersetuju berbanding hanya 8.1% yang bersetuju dan 4.7% yang sangat bersetuju dengan persoalan yang diberikan. Justeru, skor min 2.14 menunjukkan darjah

persetujuan berada pada tahap yang rendah. Ini bermakna, walaupun dialog kehidupan merupakan pengalaman yang tidak dapat dielakkan namun begitu ahli keluarga begitu prihatin terhadap hubungan antara agama yang berlaku dengan masyarakat Melayu Muslim. Hasil temu bual yang dilakukan oleh penulis mendapati bahawa memang wujud keprihatinan ibu bapa komuniti Cina terhadap pergaulan anak-anak mereka dengan rakan Muslim kerana kebimbangan pengaruh agama Islam akan mengikis kepercayaan yang diwarisi. Perkongsian perasaan melalui sambutan perayaan merupakan satu bentuk ekspresi dialog kehidupan. Dalam perihal ini, majoriti responden dengan memilih bersetuju sebanyak 47.7% dan sangat bersetuju sebanyak 14% manakala 23.3% memberi jawapan yang tidak pasti. Namun begitu, perolehan skor min 3.59 mata menunjukkan ianya berada pada tahap yang sederhana.

Dalam konteks kehidupan masyarakat multi kultur, pergaulan menjadi teras kepada pembentukan hubungan sosial yang dinamis. Didapati dalam kehidupan masyarakat Cina pra konversi, pengalaman bergaul dengan masyarakat Melayu Muslim mendedahkan mereka kepada elemen-elemen agama Islam melalui aktiviti seharian yang dikenali sebagai dialog kehidupan. Sebagaimana yang dijelaskan dalam bab yang lepas, pengalaman pergaulan masyarakat Cina pra konversi dengan rakan-rakan yang berbeza agama 'sekampung' atau 'satu sekolah' telah membuka ruang kepada mereka untuk mengaplikasikan budaya toleransi dalam kehidupan yang sebenar.

### 5.3.3 Pengalaman Penglibatan Dalam Aktiviti Agama Masyarakat Muslim.

Jadual 5.9: Penglibatan Aktiviti Agama Masyarakat Muslim.

**Statistics**

		Dialog_sblm13	Dialog_sblm14	Dialog_sblm15	Dialog_sblm16	Dialog_sblm17
N	Valid	86	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0	0
Mean		3.2442	3.3488	4.0116	3.0930	2.9535

Bil	Bah. C	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
39.	13.	Saya kerap kali menghadiri majlis kematian rakan-rakan yang beragama Islam	7 8.1%	17 19.8%	23 26.7%	26 30.2%	13 15.1%	3.24
40.	14.	Saya pernah bermalam di rumah rakan Muslim	6 7.0%	24 27.9%	6 7%	34 39.5%	16 18.6%	3.35
41.	15.	Saya meraikan masyarakat Muslim berpuasa pada bulan Ramadan	1 1.2%	10 11.6%	3 3.5%	45 52.3%	27 31.4%	4.01
42.	16.	Saya menghadiri rumah ibadat bersama rakan Muslim	6 7.0%	29 33.7%	16 18.6%	21 24.4%	14 16.3%	3.09
43.	17.	Masyarakat Muslim meraikan aktiviti yang dianjurkan oleh masyarakat Cina bukan Muslim dengan baik	7 8.1%	28 32.6%	19 22.1%	26 30.2%	6 7.0%	2.95

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Dalam penglibatan dialog kehidupan yang lebih komprehensif, dapatan sebagaimana jadual 5.9 di atas menjelaskan bahawa masyarakat Cina pra konversi menghadiri majlis kematian rakan-rakan yang berlainan agama pada tahap yang sederhana apabila skor min yang diperolehi hanya 3.24 mata sahaja. Begitu juga pengalaman masyarakat Cina pra konversi bermalam di rumah rakan Muslim, skor min 3.34 menunjukkan ianya berada pada tahap yang sederhana. Pun begitu, majoriti masyarakat Cina pra konversi meraikan ibadat berpuasa yang dilakukan oleh masyarakat Muslim. Skor 4.01 yang diperolehi menunjukkan ianya berada pada tahap yang tinggi.

Masyarakat Cina pra konversi menghadiri rumah ibadah masyarakat Muslim berada pada tahap yang sederhana apabila skor min hanya memperoleh 3.09. Dalam

perihal yang lain, masyarakat Cina pra konversi juga ditanya respons masyarakat Muslim terhadap aktiviti yang dianjurkan oleh mereka. Dapatan skor min 2.95 menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat Melayu Muslim dalam aktiviti bersama dengan masyarakat Cina bukan Muslim adalah berada pada tahap yang sederhana.

Sebagaimana yang dijelaskan dialog kehidupan juga memaparkan perkongsian aktiviti yang bukan hanya melibatkan perkataan. Abdelaziz menyatakan perkongsian aktiviti mampu membentuk jalinan persefahaman untuk kepentingan manusia sejagat.<sup>20</sup> Justeru, pengalaman perkongsian aktiviti yang mengandungi unsur agama turut berlaku dalam kalangan komuniti Cina Muslim pasca konversi. Sebagaimana yang dijelaskan dalam bab yang lepas, hubungan antara agama komuniti Cina pra konversi dan masyarakat Melayu Muslim berlangsung dalam tiga suasana iaitu menjauhi aktiviti masyarakat Melayu yang mengandungi unsur-unsur agama, hubungan yang berhati-hati dan hubungan yang tidak ambil peduli. Mengambil kira hubungan sosial yang merentasi agama kerap kali berlaku disebabkan faktor sejarah dan demografi kawasan, hasil kajian yang memperlihatkan penglibatan komuniti Cina pra konversi dalam aktiviti masyarakat Melayu Muslim berada pada tahap yang sederhana.

---

<sup>20</sup> Abdelaziz Berghout, "Meeting the Challenges of Dialogue: Need for Civilisational Vision and Cultural Transformation," in *Dialogue of Civilisations and the Construction of Peace*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008), 144.

### 5.3.4 Implikasi Pengalaman Terlibat Dalam Dialog Kehidupan

Jadual 5.10: Peranan Dialog Kehidupan

#### Statistics

		Dialog_sblm18	Dialog_sblm19	Dialog_sblm20	Dialog_sblm21
N	Valid	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0
Mean		3.9186	3.7907	3.6744	3.8372

Bil	Bah. C	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
44.	18.	Saya banyak mempelajari agama Islam melalui penglibatan dalam aktiviti masyarakat Melayu Muslim.	2 2.3%	6 7.0%	8 9.3%	51 59.3%	19 22.1%	3.91
45.	19.	Penglibatan dalam aktiviti masyarakat Melayu Muslim membetulkan salah faham saya terhadap agama Islam	2 2.3%	7 8.1%	9 10.5%	57 66.3%	11 12.8%	3.79
46.	20.	Penglibatan saya dalam aktiviti masyarakat Muslim melunturkan (menurunkan) kepercayaan asal saya.	2 2.3%	10 11.6%	19 22.1%	38 44.2%	17 19.8%	3.67
47.	21.	Hubungan saya dengan masyarakat Melayu Muslim mendorong saya memeluk agama Islam.	3 3.5%	12 14%	3 3.5%	46 53.5%	22 25.6%	3.83

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Pengalaman penglibatan komuniti Cina pra konversi dalam aktiviti masyarakat Melayu Muslim memberi informasi tentang praktis dan amalan yang berlaku dalam agama Islam pada peringkat akar umbi. Dalam perihal ini, jadual 5.10 di atas menunjukkan sebanyak 59.3% daripada responden bersetuju dan 22.1% memilih untuk sangat bersetuju menyatakan pengalaman dialog kehidupan melalui perkongsian aktiviti sebegini banyak mendedahkan perihal agama Islam. Perolehan skor min 3.91 menunjukkan darjah persetujuan yang diperolehi adalah tinggi. Selain memberi input tentang agama Islam dengan lebih mendalam, pengalaman dalam dialog kehidupan juga membetulkan semula salah faham terhadap agama orang lain. Sehubungan dengan itu,

sebanyak 66.3% daripada responden memilih untuk bersetuju manakala 12.8% menyatakan sangat bersetuju. Walau bagaimanapun skor min 3.71 masih menunjukkan perkara ini masih berada pada skala yang sederhana. Begitu juga pada item yang seterusnya, kebanyakan responden mengakui bahawa penglibatan dalam dialog kehidupan pra konversi melunturkan kepercayaan asal mereka. Sebanyak 44.2% bersetuju dengan kenyataan ini manakala 19.8% menyatakan sangat bersetuju. Biarpun majoriti bersetuju dengan soalan yang diberikan, namun skor min 3.67 memperlihatkan darjah persetujuan masih berada dalam situasi yang sederhana. Responden selanjutnya ditanya tentang 'perkaitan dialog kehidupan dengan konversi agama Islam'. Dalam perihal ini, 53.5% daripada responden bersetuju dan 25.6% sangat bersetuju menyatakan penglibatan dalam dialog kehidupan merangsang dirinya untuk melakukan pemelukan agama Islam. Skor min yang diperolehi sebanyak 3.83 menunjukkan darjah persetujuan adalah tinggi.

Temu bual awal penulis dengan Saudara Baru Cina Terengganu menunjukkan bahawa perkongsian aktiviti hidup dengan Melayu Muslim berlaku kerana pergaulan, tinggal berjiran dan mendapat pendidikan bersama.<sup>21</sup> Al-Qwidi menyatakan hubungan yang terjalin ini akan membuka ruang komuniti pra konversi memerhati, memahami dan mengenali agama Islam melalui praktis kehidupan yang berlaku dalam masyarakat Muslim.<sup>22</sup> Boleh dikatakan proses akulturasi budaya masyarakat tempatan menjadikan komuniti ini agak mudah menjalinkan dialog kehidupan perkongsian budaya masyarakat Melayu. Mengambil kira budaya masyarakat Melayu berbaur dengan nilai-nilai keagamaan, secara tidak langsungnya pengalaman penglibatan dalam kebudayaan mendedahkan mereka komuniti ini kepelbagaian aplikasi nilai agama Islam. Pengalaman

---

<sup>21</sup> Tan Yao Sua, "Akulturasi Peranakan Cina di Tirok, Terengganu", *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu* 2:2.(2011), 155.

<sup>22</sup> Al-Qwidi, 'Understanding The Stages Of Conversion To Islam The Voices Of British', (Thesis PhD University of Leeds, 2002), 174.



penglibatan dialog yang bersifat natural yang berlaku melalui pergaulan, tinggal sekampung dan mendapat pendidikan di sekolah yang sama ini akan menyingkap persamaan dan perbezaan yang wujud dalam budaya sesebuah agama. Justeru, hasil dapatan kajian soal selidik ini memperkukuhkan peranan proses sosialisasi khususnya melalui pergaulan dan pendidikan bersama melahirkan satu bentuk hubungan antara agama yang lebih menyeluruh dan terbuka. Justeru, pengalaman dialog kehidupan yang berlangsung dalam suasana '*informal experience*' dalam kehidupan seharian komuniti Cina pra konversi mempunyai ciri persamaan dengan apa yang dinyatakan oleh Suraya, Patel, Hensman, Samwini dan Marcia yang memaparkan konsep perkongsian aktiviti, pertemuan harian dan tinggal bersama yang berlaku pada peringkat akar umbi. Ternyata, melalui pengalaman perkongsian aktiviti yang bersifat *non verbal* ini, komuniti Cina pra konversi mendapat *world view* sebenar tentang agama Islam. Adalah tidak menghairankan kefahaman dan gambaran awal tentang agama Islam ini selanjutnya mendorong dalam kalangan komuniti Cina melakukan konversi agama.

## **5.4 Aplikasi Pengalaman Dialog Kehidupan Dalam Komuniti Cina Pasca Konversi**

### **5.4.1 Aplikasi Pengalaman Dialog Kehidupan Intra Etnik**

Perbincangan pengalaman hubungan intra etnik dalam kalangan masyarakat Cina yang melakukan konversi agama Islam telah dibahaskan oleh Rosey Ma, Osman Chuah, Abdul Salam dan Mudaser Rosder dengan memberi tumpuan kepada pergolakan yang berlaku dalam keluarga. Lazimnya, persamaan budaya dan bahasa yang merupakan entiti sesuatu bangsa memudahkan proses penyatuan dan pembinaan semula hubungan antara keluarga. Justeru itu, jalinan pengalaman dialog kehidupan yang berlaku dalam hubungan intra etnik komuniti Cina memaparkan aspek-aspek hubungan semasa yang

berlaku dengan keluarga asal, perkongsian budaya asal, penglibatan bersama dalam aktiviti yang mengandungi elemen-elemen agama Islam dan penglibatan aktiviti yang mengandungi elemen agama masyarakat Cina bukan Muslim.

#### 5.4.1.1 Pengalaman Hubungan Dengan Keluarga Asal

Jadual 5.11: Hubungan Cina Pasca Konversi Dengan Keluarga Asal

Statistics

	Dialog slps Cina 1	Dialog slps Cina 2	Dialog slps Cina 3	Dialog slps Cina 4	Dialog slps Cina 5	Dialog slps Cina 6	Dialog slps Cina 7	Dialog slps Cina 8
N Valid	86	86	86	86	86	86	86	86
Missing	0	0	0	0	0	0	0	0
Mean	4.1163	3.8023	3.3953	3.7674	4.1628	3.4767	3.3488	3.6860

Bil	Bah.D.i.	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
48	1.	Sewaktu saya belum menganut agama Islam, hubungan saya dengan keluarga adalah sangat baik.	3 3.3%	5 5.8%	1 1.2%	47 54.7%	30 34.9%	4.12
49	2.	Pada peringkat awal pemeluk Islam, saya berhadapan hubungan yang bermasalah dengan keluarga saya (bukan Muslim).	0 0%	8 9.3%	24 27.9%	31 36%	23 26.7%	3.80
50	3.	Saya mengambil tempoh yang lama untuk membina semula hubungan dengan masyarakat/keluarga bukan Muslim.	3 3.5%	21 24.4%	10 11.6%	43 50%	9 10.5%	3.40
51	4.	Hubungan saya dengan masyarakat Cina (Bukan Muslim) pada masa sekarang berada dalam suasana yang baik.	5 5.8%	6 7%	5 5.8%	58 67.4%	12 14%	3.77
52	5.	Saya sentiasa menziarahi keluarga saya yang bukan Muslim.	0 0%	3 3.3%	5 5.8%	53 61.6%	25 29.1%	4.16
53	6.	Keluarga saya yang bukan Muslim kerap kali datang menziarahi rumah saya.	6 7%	13 15.1%	10 11.6%	48 55.8%	9 10.5%	3.48
54	7.	Keluarga saya yang bukan Muslim datang bermalam di rumah saya.	6 7%	16 18.8%	19 22.1%	32 37.2%	13 15.1%	3.35
55	8.	Apabila menyambut Hari Raya, keluarga/rakan bukan Muslim berkunjung ke rumah saya.	5 5.8%	10 11.6%	11 12.8%	41 47.7%	19 22.1%	3.69

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Berdasarkan kepada hasil kajian jadual 5.11 di atas, majoriti responden mengakui menjalinkan hubungan yang sangat baik dengan keluarga sebelum memeluk agama Islam. Ini dibuktikan apabila 54.7% daripada responden memilih untuk bersetuju dan 34.9% menyatakan sangat bersetuju dengan kenyataan ‘sewaktu saya belum menganut agama Islam, hubungan saya dengan keluarga adalah sangat baik’. Justeru skor mata min 4.12 memperlihatkan perihal ini berada pada skala yang sangat tinggi. Biar pun begitu, hubungan yang baik ini berubah sebaliknya apabila majoriti responden mengakui berhadapan masalah hubungan dengan ahli keluarga setelah memeluk agama Islam. Sebanyak 36% memilih untuk bersetuju manakala 26.7% menyatakan sangat bersetuju manakala 27.9% pula tidak memberi kepastian dan hanya 9.3% yang tidak bersetuju. Skor mata 3.80 menunjukkan pemelukan agama Islam dalam kalangan masyarakat Cina menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan ahli keluarga. Dalam pada itu, hubungan yang tegang ini mengambil tempoh yang tertentu untuk dipulihkan. Berdasarkan kepada soalan yang diberikan 50% responden bersetuju dan 10.5% pula sangat bersetuju menyatakan bahawa mereka berhadapan dengan tempoh yang panjang untuk memulihkan hubungan dengan keluarga asal. Pun begitu, skor mata 3.40 menunjukkan perihal ini berada pada tahap yang sederhana.

Selain daripada itu, situasi semasa memperlihatkan hubungan intra etnik masyarakat Cina pasca konversi pada masa sekarang berada pada tahap yang sederhana apabila skor min yang diperolehi 3.77 mata. Peratus yang bersetuju dengan kenyataan ini ialah 67.4% manakala 14% menyatakan sangat bersetuju. Hasil kajian ini memperlihatkan bahawa masyarakat Cina Muslim membina semula keyakinan ahli keluarga terhadap ‘agama baru’ yang dianuti melalui jalinan dialog kehidupan. Apabila perkara ini dilihat mengikut tempoh konversi agama Islam, didapati nilai min golongan yang telah memeluk agama Islam dalam lingkungan lebih 1 hingga 5 tahun (3.17)

menunjukkan darjah persetujuan lebih rendah berbanding golongan yang memeluk agama Islam 6 hingga 15 tahun (3.70) dan golongan yang memeluk Islam 15 tahun ke atas (3.95). Ini menjelaskan bahawa cabaran dalam membina hubungan dengan masyarakat asal banyak dihadapi oleh responden yang memeluk agama Islam pada tempoh 1 hingga 5 tahun. Hal ini boleh diperhatikan dalam jadual 5.12 sebagaimana di bawah:

Jadual 5.12 : Hubungan Semasa Dengan Keluarga Asal

**Report**

Dialog\_slps\_Cina4

Jangka_masa	Mean	N	Std. Deviation
1-5	3.1667	12	1.19342
10-15	3.7037	27	1.10296
lebih 15	3.9574	47	.77900
Total	3.7674	86	.97829

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Antara bentuk awal pengalaman dialog kehidupan intra etnik yang berlaku dalam kalangan masyarakat Cina pasca konversi ialah aktiviti menziarahi keluarga asal. Sebanyak 61.6% menyatakan bersetuju manakala 29.1% menyatakan sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan. Hasil dapatan juga menunjukkan darjah persetujuan yang tinggi diperolehi apabila skor min menunjukkan bacaan 4.16 mata. Pun begitu, pengalaman dialog kehidupan melalui aktiviti ziarah ini mendapat respons yang agak sederhana dari ahli keluarga yang bukan Muslim apabila bacaan skor min seterusnya adalah 3.48 mata. Sebanyak 55.8% bersetuju dan 10.5% sangat bersetuju menyatakan ahli keluarga bukan Muslim turut membalas kunjungan ziarah ke rumahnya. Di dapati 7% yang sangat tidak bersetuju dan 15.1% tidak bersetuju dengan kenyataan ini manakala 11.6% tidak dapat memberi kepastian. Begitu juga pada item yang seterusnya,

darjah persetujuan memperlihatkan skala min yang semakin menurun apabila mata yang diperolehi 3.35 sahaja. Sebanyak 37.2% memilih untuk bersetuju dan 15.1% menyatakan sangat bersetuju dengan item 'keluarga bukan Muslim bermalam di rumah saya' berbanding 7% yang sangat tidak bersetuju dan 18.8% yang tidak bersetuju manakala 22.1% pula tidak dapat memberi keputusan. Namun begitu mata yang diperolehi masih memberi bacaan darjah persetujuan yang sederhana. Dalam perkongsian kegembiraan menyambut perayaan masyarakat Muslim seperti Hari Raya, sebanyak 47.7% bersetuju dan 22.1% sangat bersetuju menjemput rakan dan ahli keluarga bukan Muslim meraikan perayaan ini di rumah responden. Walau bagaimanapun, skor min 3.69 menunjukkan perihal ini masih berada pada tahap yang sederhana.

#### 5.4.1.2 Pengalaman Meraikan Kebudayaan Asal

Jadual 5.13: Meraikan Bersama-sama Kebudayaan Asal

##### Statistics

		Dialog_slps_Cina9	Dialog_slps_Cina10	Dialog_slps_Cina11	Dialog_slps_Cina12	Dialog_slps_Cina13	Dialog_slps_Cina14
N	Valid	86	86	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0	0	0
Mean		3.8488	3.7907	2.8372	3.3953	2.9186	3.5349

Bil	Bah.D.i.	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
56	9	Saya masih mengamalkan budaya tradisi asal yang tidak bercanggah dengan Islam.	2 2.3%	6 7%	12 14%	49 57%	17 19.8%	3.85
57	10	Saya masih menyambut Tahun Baru Cina bersama-sama keluarga atau masyarakat Cina bukan Muslim.	2 2.3%	12 14%	10 11.6%	40 46.5%	22 25.6%	3.79
58	11	Saya masih meraikan tradisi makan bersama sempena Tahun baru Cina dengan keluarga bukan Muslim.	10 11.6%	36 41.9%	8 9.3%	22 25.6%	10 11.6%	2.84

59	12	Saya turut meraikan pesta tanglung dan tarian singa semasa sambutan Tahun Baru Cina.	3 3.5%	20 23.3%	14 16.3%	38 44.2%	11 12.8%	3.40
60	13	Saya turut menjemput jiran, rakan bukan Muslim bagi meraikan Sambutan Tahun Baru Cina.	9 10.5%	31 36%	11 12.8%	28 32.6%	7 8.1%	2.92
61	14	Saya menghadiri majlis perkahwinan yang dianjurkan oleh saudara mara saya yang bukan Muslim.	4 4.7%	11 12.8%	18 20.9%	41 47.7%	12 14%	3.53

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Dalam konteks hubungan intra etnik pasca konversi, pengalaman dialog kehidupan Saudara Baru juga memaparkan perkongsian budaya dan adat resam yang diwarisi. Justeru itu, responden juga ditanya soalan-soalan yang berkaitan dengan penglibatan dalam budaya dan adat resam yang asal. Berpandukan jadual 5.13 sebagaimana di atas, majoriti responden mengakui bahawa mereka masih mengamalkan budaya tradisi yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Skor min 3.85 menunjukkan ianya masih berada dalam situasi yang tinggi. Sebanyak 57% responden memilih untuk bersetuju manakala 19.8% menyatakan sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan.

Sebagai contoh, perkongsian budaya asal ini boleh diperhatikan dalam sambutan Tahun Baru Cina bersama keluarga bukan Muslim. Hasil kajian menunjukkan 46.5% responden menyatakan bersetuju dan 25.6% memilih sangat bersetuju menyambut perayaan tersebut bersama keluarga bukan Muslim. Pun begitu, skor min 3.79 mata menunjukkan perkongsian ini masih belum mencapai tahap yang tinggi. Begitu juga dalam item yang berkaitan “meraikan tradisi makan bersama sempena Tahun Baru Cina dengan keluarga bukan Muslim”, didapati skor min 2.84 menunjukkan ianya berada dalam tahap yang sederhana. Kebanyakan responden memilih untuk tidak bersetuju iaitu sebanyak 41.9% dan sangat tidak bersetuju sebanyak 11.6% berbanding yang bersetuju hanya 25.6% dan sangat bersetuju sebanyak 11.6%. Ini menunjukkan responden begitu

berhati-hati dalam menjalinkan dialog kehidupan agar aktiviti yang dilakukan tidak bersalahan dengan syariat agama Islam.

Selain daripada itu, pengalaman dialog kehidupan dalam perkongsian budaya asal boleh diperhatikan juga ketika melibatkan diri dalam pesta tanglung dan tarian singa dengan 44.2% memilih untuk bersetuju dan 12.8% menyatakan sangat bersetuju. Biarpun skor min 3.40 menunjukkan penglibatan dalam aktiviti ini berada pada tahap yang sederhana, didapati 23.3% yang tidak bersetuju dengan soalan ini manakala 16.3% tidak dapat memberi kepastian. Menjadi Saudara Baru, bukanlah menghalang sebahagian komuniti Cina pasca konversi meraikan sambutan Tahun Baru Cina dengan rakan bukan Muslim. Justeru, hasil kajian mendapati 32.6% menyatakan bersetuju dan 8.1% memilih sangat bersetuju berbanding 36.5% menyatakan tidak bersetuju manakala 10.5% berpendirian sangat tidak bersetuju. Pun begitu, perolehan skor min 2.92 mata menunjukkan bahawa perihal ini masih berada pada tahap yang sederhana. Begitu juga dalam perkongsian kegembiraan dengan meraikan majlis perkahwinan yang dianjurkan oleh keluarga asal berada pada skala yang sederhana apabila skor min hanya mencatatkan 3.53 sahaja. Sebanyak 47.7% menyatakan bersetuju manakala 14% memilih sangat bersetuju pada soalan yang diberikan.

Peranan Saudara Baru dalam pentas dialog kehidupan begitu luas, selain menjelaskan tentang praktis agama Islam melalui amalan-amalan keagamaan seperti solat, berpuasa, menutup aurat dan sebagainya, komuniti Cina Muslim juga berperanan memecahkan persepsi negatif keluarga bukan Muslim melalui penglibatan bersama dalam budaya asal. Sememangnya pengalaman pembabitan komuniti Cina Muslim dalam aktiviti seperti tarian naga, sambutan Tahun Baru Cina, malam Tautan Kasih yang mengabung masyarakat Cina Bukan Muslim, Melayu Muslim dan Cina Muslim dapat memupuk memberi kesedaran yang bermakna kepada banyak pihak. Selain daripada itu,

berdasarkan pengamatan turut serta penulis ketika bersama-sama merayakan aktiviti budaya tersebut, komuniti Cina begitu teruja memmanifestasikan kegembiraan yang dijelmakan melalui perkongsian kegiatan budaya asal mereka.

### 5.4.1.3 Pengalaman Dialog Kehidupan Bertunjangkan Perkongsian Agama Islam

Jadual 5.14: Dialog Kehidupan Berlatar Amalan Agama Islam

**Statistics**

		Dialog_slps_Cina15	Dialog_slps_Cina16	Dialog_slps_Cina17	Dialog_slps_Cina18	Dialog_slps_Cina19
N	Valid	86	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0	0
Mean		3.8721	3.7907	3.3953	4.0465	3.7674

Bil	Bah.D.i	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
62	15	Saya menerangkan amalan dan pengajaran agama Islam kepada rakan/keluarga yang Bukan Muslim.	6 7%	13 15.1%	0 0%	53 61.6%	14 16.3%	3.87
63	16	Keluarga/rakan saya yang bukan Muslim pernah bertanya tentang amalan-amalan yang dilakukan oleh saya.	2 2.3%	8 9.3%	5 5.8%	62 72.1%	9 10.5%	3.79
64	17	Saya pernah melaksanakan ibadat Islam di rumah keluarga asal yang bukan Muslim	4 4.7%	18 20.9%	14 16.3%	40 46.5%	10 11.6%	3.40
65	18	Perkongsian aktiviti yang mengandungi unsur agama dengan keluarga asal mampu membina perdamaian.	2 2.3%	1 1.2%	6 7%	59 68.6%	18 20.9%	4.05
66	19	Saya menjadikan perkongsian aktiviti dengan keluarga asal sebagai landasan (salah satu cara) untuk berdakwah.	4 4.7%	8 9.3%	9 10.5%	48 55.8%	17 19.8%	3.77

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Selanjutnya, pengalaman perkongsian aktiviti memperlihatkan bagaimana peserta bersoal jawab (berdialog) intra etnik bagi memahami fenomena yang berlaku dalam agama yang berbeza. Dalam perihal ini, jadual 5.14 menunjukkan 61.6% daripada responden memilih untuk bersetuju dan 16.3% menyatakan sangat bersetuju ‘menjelaskan amalan dan ajaran agama Islam kepada rakan atau keluarga yang bukan



Muslim'. Walau bagaimana pun jumlah yang tidak bersetuju sebanyak 15.1% dan sangat tidak bersetuju pula 7%. Skor min 3.87 mata menunjukkan darjah persetujuan berada pada skala yang tinggi. Didapati kumpulan yang memeluk agama Islam lebih dari 15 tahun mempunyai kecenderungan bersoal jawab perihal agama Islam lebih tinggi daripada kumpulan yang memeluk agama Islam pada tempoh 1-5 tahun dan 6-15 tahun. Ini dijelaskan sebagaimana dalam jadual 5.15 seperti di bawah:

Jadual 5.15: Respons Bersoal Jawab Mengikut Tempoh Pemeluk Agama Islam

**Report**

Dialog\_slps\_Cina15

Jangka_masa	Mean	N	Std. Deviation
1-5	3.6667	12	.88763
6-15	3.6667	27	.83205
lebih 15	4.0426	47	.65798
Total	3.8721	86	.76384

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Bagi soalan yang seterusnya, hasil dapatan menunjukkan kebanyakan rakan dan ahli keluarga bukan Muslim memberi respons terhadap penglibatan dalam dialog kehidupan dengan bertanya amalan-amalan yang dilakukan oleh responden. Sebanyak 72.1% memilih untuk bersetuju dan 10.5% menyatakan sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan. Namun begitu, skor min 3.79 masih menunjukkan respons rakan dan ahli keluarga dalam penglibatan dialog kehidupan adalah sederhana. Walaupun ahli keluarga bertindak dengan bertanya amalan-amalan yang dilakukan oleh responden, didapati hanya 68.1% (S dan SS) pernah melaksanakan ibadat yang dianjurkan oleh agama Islam di rumah keluarga bukan Muslim. Jumlah golongan yang tidak bersetuju pula sebanyak 20.9% manakala 16.3% daripada responden tidak dapat memberi keputusan. Justeru, skor min 3.40 menunjukkan darjah persetujuan masih berada pada tahap yang sederhana.

Soalan yang berikutnya, hasil dapatan menunjukkan bahawa hanya 68.6% daripada responden bersetuju dan 20.9% yang sangat bersetuju menyatakan perkongsian aktiviti yang mengandungi unsur keagamaan mampu membina perdamaian. Skor min 4.05 mata menunjukkan darjah persetujuan berada pada tahap yang tinggi. Selain daripada itu, responden beranggapan dialog kehidupan merupakan satu medan dakwah bagi memaparkan kebenaran agama Islam kepada keluarga bukan Muslim. Dalam perihal ini, 55.8% memilih untuk bersetuju manakala 19.8% berpendirian sangat bersetuju. Biarapun begitu, skor min 3.77 mata menjadi indikasi darjah persetujuan berada pada tahap yang tinggi.

Sememangnya peranan komuniti Cina Muslim dalam memberi kefahaman dan menghilangkan kesamaran ahli keluarga melalui perkongsian budaya adalah sangat signifikan. Dalam kata lain, komuniti Saudara Baru mampu melihat secara ‘*inside-out*’ potensi dalaman untuk berinteraksi dengan masyarakat sendiri dan menjelaskan sistem nilai berdasarkan kreativiti mengikut acuan sendiri tanpa melanggar norma-norma agama. Manifestasinya, terjelmalah segala kebenaran, menghilangkan prasangka dan membina ikatan yang dapat meleraikan persengketaan selama ini.

#### 5.4.1.4 Penglibatan Dalam Aktiviti Keagamaan Masyarakat Cina

Jadual 5.16: Dialog Kehidupan Berlatar Keagamaan Masyarakat Asal

##### Statistics

		Dialog_slps_Cina20	Dialog_slps_Cina21	Dialog_slps_Cina22
N	Valid	86	86	86
	Missing	0	0	0
Mean		1.9419	3.4186	2.0000

Bil.	Bah.D.i	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
67.	20.	Saya masih melawat rumah ibadat komuniti Cina bukan Muslim	40 46.5%	28 32.6%	4 4.7%	11 12.8%	3 3.5%	1.94
68.	21.	Saya menghadiri upacara kematian saudara-mara yang bukan Muslim sebagai tanda penghormatan.	13 15.1%	9 10.5%	6 7.0%	45 52.3%	13 15.1%	3.41
69.	22.	Saya masih melibatkan diri dalam <i>Ching Ming</i> bersama keluarga bukan Muslim.	37 43%	28 32.6%	10 11.6%	6 7%	5 5.8%	2.00

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Berdasarkan jadual 5.16 sebagaimana di atas, aplikasi dialog kehidupan masyarakat Cina pasca konversi dalam menghadiri rumah ibadat masyarakat Cina asal berada pada skala yang rendah apabila skor min menunjukkan bacaan 1.94 mata. Sebanyak 46.5% daripada responden berpendirian sangat tidak setuju dan 32.6% menyatakan tidak bersetuju berbanding 12.8% yang bersetuju dan hanya 3.5% menyatakan sangat bersetuju. Hasil kajian juga menunjukkan komuniti Cina pasca konversi menghadiri upacara kematian saudara mara yang bukan Muslim pada tahap yang sederhana apabila skor min yang diperolehi adalah 3.41 mata. Jumlah responden yang bersetuju ialah 52.3% dan 15.1% pula memilih sangat bersetuju. Walaupun masyarakat Cina menghadiri upacara kematian saudara mara pada tahap yang sederhana namun kebanyakan masyarakat Cina Muslim tidak lagi melibatkan diri dalam sambutan *Ching Ming*. Skor min 2.00 menunjukkan penglibatan masyarakat Cina dalam aktiviti sambutan *Ching Ming* adalah rendah. Hanya 12.8% yang pernah terlibat dalam sambutan memperingati kematian nenek moyang sedangkan majoriti mengambil pendirian meninggalkan amalan tradisi tersebut.

Dari segi praktisnya memang tidak mudah untuk melihat komuniti Cina Muslim terlibat dalam aktiviti yang banyak mengandungi elemen-elemen agama asal. Komuniti Cina Muslim berhati-hati dalam menjalinkan perkongsian aktiviti agar ianya tidak

bertentangan dengan batas-batas agama Islam. Biar pun begitu, kebanyakan daripada mereka tidak mengabaikan aspek-aspek yang bersifat ‘meraikan’ ahli-ahli keluarga seperti melawat ketika sakit atau meninggal dunia.

#### 5.4.1.5 Implikasi Pengalaman Perkongsian Aktiviti Sesama Etnik.

Jadual 5.17: Hasil daripada Dialog.

Statistics

		Dialog_slps_Cina23	Dialog_slps_Cina24	Dialog_slps_Cina25	Dialog_slps_Cina26	Dialog_slps_Cina27	Dialog_slps_Cina28
N	Valid	86	86	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0	0	0
Mean		3.1163	3.9651	3.0581	3.5814	3.6512	3.6744

Bil.	Bah. D.i	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
70.	23.	Masyarakat Cina bukan Muslim menunjukkan minat untuk memahami agama Islam.	7 8.1%	27 31.4%	7 8.1%	39 45.3%	6 7%	3.12
71.	24.	Salah faham keluarga/rakan bukan Muslim terhadap agama Islam dapat diperbetulkan melalui perkongsian aktiviti.	0 0%	6 7%	8 9.3%	55 64%	17 19.8%	3.97
72.	25.	Masyarakat Cina bukan Muslim menerima perbezaan yang ada dalam masyarakat Cina Muslim dengan baik.	12 14%	14 16.3%	24 27.9%	29 33.7%	7 8.1%	3.06
73.	26.	Masyarakat Cina bukan Muslim bertoleransi terhadap amalan yang dilaksanakan oleh saya.	2 2.3%	13 15.1%	16 18.6%	43 50%	12 14%	3.58
74.	27.	Perkongsian aktiviti dengan keluarga asal dapat mengendurkan ketegangan.	3 3.5%	12 14%	9 10.5%	50 58.1%	12 14%	3.65
75.	28.	Perkongsian aktiviti dengan keluarga asal dapat memupuk keharmonian antara agama.	1 1.2%	13 15.1%	9 10.5%	53 61.6%	10 11.6%	3.67

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Jalinan dialog kehidupan yang berlaku dalam masyarakat Cina Muslim dengan keluarga dan masyarakat asal adalah lebih bersifat pembinaan semula hubungan yang

sememangnya pernah terjalin dengan baik. Pengalaman dialog kehidupan melalui perkongsian aktiviti ini menyerlahkan kecenderungan ahli keluarga untuk memahami agama Islam. Dengan demikian berpandukan jadual 5.17 sebagaimana di atas, 45.3% daripada responden menyatakan bersetuju manakala 7% pula memilih untuk sangat bersetuju bahawa ahli keluarga cuba memahami agama Islam dengan mendalam melalui perkongsian aktiviti. Biarpun begitu, 31.4% tidak bersetuju dengan kenyataan ini manakala 8.14% berpendirian sangat tidak bersetuju. Skor min 3.12 menunjukkan darjah persetujuan berada pada tahap yang sederhana.

Pengalaman dialog kehidupan yang berlangsung pasca konversi adalah bertujuan memperjelaskan semula salah faham masyarakat Cina bukan Muslim terhadap agama Islam. Persepsi salah seperti ‘masuk Melayu’, ‘pengkhianat bangsa’, ‘menjadi orang asing (*Jip Huan*)’ dan memutuskan persaudaraan merupakan penjenamaan yang diberikan kepada kalangan Cina yang memeluk agama Islam.<sup>23</sup> Justeru itu, pengalaman dialog kehidupan yang berlaku dalam lingkungan intra etnik ini adalah bertujuan menjelaskan semula gambaran yang salah masyarakat Cina bukan Muslim terhadap agama Islam. Dalam konteks ini, kebanyakan responden yang bersetuju dengan sebanyak 64% manakala yang memilih sangat bersetuju sebanyak 19.8%. Justeru, skala min 3.97 menunjukkan darjah persetujuan berada pada tahap yang tinggi.

Selanjutnya, responden ditanya tentang reaksi keluarga dan masyarakat bukan Muslim dalam menerima perbezaan agama. Sebanyak 33.7% bersetuju dan 8.1% sangat bersetuju menyatakan keluarga dan masyarakat asal menerima perbezaan dalam agama dengan baik. Sebaliknya, 16.3% memilih untuk tidak bersetuju dan 14% berpendirian sangat tidak bersetuju manakala 27.9% tidak dapat memberi kepastian. Perolehan skor min 3.06 menunjukkan perihal ini masih berada pada tahap sederhana.

---

<sup>23</sup>Yamin Cheng, *A Chinese Life of Islam The Search For Identity*, (Kuala Lumpur: The Other Press, 2012), 1.

Konversi agama memperlihatkan proses pembinaan hubungan intra etnik yang bersifat kompleks dan berhati-hati yang memerlukan pengamalan toleransi pada skala yang tinggi. Dalam konteks ini, 50% memilih untuk bersetuju dan 14% berpendirian sangat bersetuju menyatakan bahawa komuniti asal bertoleransi terhadap amalan agama yang dilakukan responden. Namun begitu, skor min 3.58 menunjukkan situasi ini masih berada pada tahap yang sederhana.

Selain daripada itu, sebanyak 58.1% responden bersetuju dan 14% memilih sangat bersetuju bahawa dialog kehidupan melalui perkongsian aktiviti mampu mengikis ketegangan yang berlaku antara dua pihak. Pun begitu, skor min 3.65 menunjukkan perkara ini berada pada tahap yang sederhana. Jika dibandingkan mengikut tempoh pemelukan agama Islam, ternyata responden yang melakukan konversi agama Islam 1-5 tahun memberi darjah persetujuan yang tinggi dengan 4.25 mata berbanding kumpulan 6-15 tahun 3.48 mata dan kumpulan yang melebihi 15 tahun sebanyak 3.596 mata. Ini dijelaskan sebagaimana jadual 5.18 seperti di bawah:

Jadual 5.18: Persepsi Dialog Mengendurkan Ketegangan Mengikut Tempoh Pemelukan Islam

**Report**

Dialog\_slps\_Cina27

Jangka_masa	Mean	N	Std. Deviation
1-5	4.2500	12	.45227
6-15	3.4815	27	1.05139
lebih 15	3.5957	47	1.03545
Total	3.6512	86	1.00314

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Begitu juga pada soalan yang seterusnya yang menyatakan ‘perkongsian aktiviti dapat memupuk hubungan yang harmonis’, sebanyak 61.6% responden memilih bersetuju dan 11.6% berpendirian sangat bersetuju menyatakan bahawa perkongsian

aktiviti dapat memupuk hubungan yang harmonis dalam keluarga yang berlainan agama. Biarpun begitu, skor min 3.67 mata menunjukkan perkara ini masih berada pada tahap yang sederhana.

Berdasarkan skala yang diperolehi, dapat dinyatakan bahawa pengalaman hubungan antara agama yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Cina Muslim adalah bersifat sederhana. Namun begitu, dalam beberapa aspek tertentu ianya memperlihatkan bahawa pengalaman dialog kehidupan yang berlaku pada skala yang rendah. Faktor perolehan skala tersebut banyak didorong oleh sikap berhati-hati komuniti Cina Muslim dalam perkongsian budaya agar aktiviti yang dilakukan tidak melanggar batas-batas syariat agama Islam. Ini selari dengan dapatan kajian temu bual yang dilakukan oleh penulis yang memperlihatkan masyarakat Cina tidak lagi melibatkan diri dalam beberapa aktiviti seperti perayaan *Ching Ming*, pesta bulan dan amalan ritual dalam tarian naga. Berdasarkan kepada dapatan kajian di atas juga, dapat dinyatakan bahawa dalam proses pembinaan semula hubungan intra etnik, aktiviti dialog kehidupan disandarkan kepada akhlak Islam. Perolehan skala min melebihi 3.1 dalam pengalaman aktiviti dialog kehidupan seperti menziarahi keluarga, membantu keluarga bukan Muslim dan menghadiri jemputan dengan baik mencerminkan bahawa komuniti Cina Muslim menerapkan nilai-nilai yang baik dalam melaksanakan hubungan antara agama intra etnik.

#### **5.4.2 Pengalaman Aplikasi Dialog Kehidupan Dengan Masyarakat Melayu Muslim.**

Suasana pengalaman dialog kehidupan inter etnik selepas konversi memperlihatkan lukisan dan corak kehidupan sebenar komuniti Cina dalam beragama dan menyesuaikan diri dengan budaya hidup serta adat resam masyarakat Melayu. Proses menerpa nilai-

nilai Islam melalui perkongsian budaya masyarakat Melayu boleh diperhatikan dalam adat resam masyarakat Melayu Muslim, sambutan perayaan dan perkongsian aktiviti agama.

#### 5.4.2.1 Pengalaman Perkongsian Adat Resam Masyarakat Melayu Muslim.

Jadual 5.19: Dialog Kehidupan Berlatar Perkongsian Adat Resam Masyarakat Melayu Muslim

		Statistics			
		Dialog Melayu1	Dialog Melayu2	Dialog Melayu3	Dialog Melayu4
N	Valid	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0
Mean		4.0349	4.2558	4.1628	3.8721

Bil	Bah.D.ii	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
76	1.	Kehidupan saya banyak dipengaruhi oleh budaya hidup masyarakat Melayu Muslim.	1 1.2%	3 3.5%	4 4.7%	62 72.1%	16 18.6%	4.04
77	2.	Saya terlibat dalam majlis kenduri yang dianjurkan oleh jiran Melayu Muslim.	0 0%	0 0%	4 4.7%	56 65.1%	26 30.2%	4.26
78	3.	Saya mengikuti aktiviti gotong royong, majlis perkahwinan atau kenduri yang dianjurkan oleh masyarakat Melayu Muslim.	0 0%	4 4.7%	2 2.3%	56 65.1%	24 27.9%	4.16
79	4.	Saya merasa selesa melibatkan diri aktiviti bersama masyarakat Melayu Muslim.	2 2.3%	10 11.6%	6 7.0%	47 54.7%	21 24.4%	3.87

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Dalam konteks hubungan pasca konversi masyarakat Cina dengan masyarakat Melayu Muslim, didapati budaya masyarakat Melayu Muslim banyak mempengaruhi kehidupan mereka. Berdasarkan jadual 5.19 seperti di atas, dapatan skor min 4.04 menunjukkan pengaruh budaya masyarakat Melayu Muslim terhadap kehidupan Saudara Baru Cina adalah tinggi. Sebanyak 72.1% memilih untuk bersetuju dan 18.6%



menyatakan sangat bersetuju dengan kenyataan ini. Pengalaman dialog kehidupan juga memaparkan perkongsian aktiviti melalui jiran yang berbeza etnik dan budaya. Mengambil contoh penglibatan masyarakat Cina Muslim dalam aktiviti dialog kehidupan bersifat majlis keraian seperti kenduri yang dianjurkan oleh jiran tetangga masyarakat Melayu Muslim sangat tinggi apabila dapatan menunjukkan skor min 4.26 mata. Hasil dapatan menunjukkan 65.1% responden bersetuju dan 30.2% sangat bersetuju terhadap soalan yang dikemukakan. Begitu juga penglibatan masyarakat Cina dalam aktiviti gotong royong, majlis perkahwinan dan kenduri-kendara yang dianjurkan oleh masyarakat Melayu Muslim adalah tinggi apabila skor min menunjukkan 4.16 mata. Mengambil kira penglibatan masyarakat Cina dalam dialog kehidupan perkongsian budaya begitu tinggi, kebanyakan masyarakat Cina Muslim merasa selesa melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat Melayu Muslim. Justeru, hasil dapatan skor min 3.87 menunjukkan ia masih berada pada skala yang tinggi. Didapati hanya 13.9% yang merasakan tidak selesa sedangkan 54.7% memilih untuk bersetuju dan 24.4% sangat bersetuju dengan soalan yang diberikan.

#### 5.4.2.2 Pengalaman Perkongsian Sambutan Perayaan.

Jadual 5.20: Dialog Kehidupan Perkongsian Perasaan

#### Statistics

		Dialog_Melayu5	Dialog_Melayu6	Dialog_Melayu7	Dialog_Melayu8
N	Valid	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0
Mean		4.4070	3.9302	3.9767	2.8721

Bil	Bah.D.ii	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
80	5.	Saya berkunjung ke rumah masyarakat Melayu Muslim pada Hari Raya Idil Fitri.	0 0%	1 1.2%	2 2.3%	44 51.2%	39 45.3%	4.41

81	6.	Saya menyambut Hari Raya mengikut tradisi masyarakat Melayu.	0 0%	7 8.1%	10 11.6%	51 59.3%	18 20.9%	3.93
82	7.	Saya melakukan rumah terbuka sempena Hari Raya Idil Fitri dan menjemput rakan/keluarga dari masyarakat Melayu Muslim.	0 0%	7 8.1%	5 5.8%	57 66.3%	17 19.8%	3.98
83	8.	Saya juga menjemput rakan Melayu Muslim bagi meraikan Sambutan Tahun Baru Cina.	11 12.8%	33 38.4%	9 10.5%	22 25.6%	11 12.8%	2.87

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Selanjutnya, pengalaman dialog kehidupan masyarakat Cina Muslim inter etnik juga boleh dilihat dalam perkongsian sambutan Hari Raya. Dapatan berdasarkan jadual 5.20 di atas menunjukkan masyarakat Cina pasca konversi mengunjungi rumah masyarakat Melayu Muslim pada Hari Raya Idil Fitri berada pada tahap paling tinggi apabila skor min memperoleh 4.41 mata. Sebanyak 51.2% berpendirian bersetuju dan 45.3% menyatakan sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan. Lantaran itu, perkongsian ini amat mendedahkan komuniti Cina Muslim terhadap tradisi-tradisi yang biasa dilakukan oleh masyarakat Melayu Muslim ketika menyambut Hari Raya. Dalam perihal ini sebanyak 59.3% memilih untuk bersetuju manakala 20.9% menyatakan sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan. Skor min 3.93 mata menunjukkan darjah persetujuan berada pada tahap yang tinggi. Hasil dapatan seterusnya menunjukkan bahawa komuniti Cina Muslim turut sama melakukan ‘rumah terbuka’ sempena Hari Raya dengan menjemput rakan dan keluarga dari masyarakat Melayu berada pada tahap yang tinggi apabila skor min menunjukkan 3.98. Hasil dapatan menunjukkan 66.3% bersetuju dan 19.8% menyatakan sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan. Namun begitu, skor min didapati menurun ketika menyambut Tahun Baru Cina dengan perolehan mata 2.87. Hanya 22.7% yang menyatakan bersetuju dan

12.8% memilih sangat bersetuju menjemput rakan dan ahli keluarga yang dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim.

Berdasarkan hasil kajian di atas, dapat dijelaskan bahawa perkongsian perayaan dalam masyarakat Cina pasca konversi memperlihatkan proses pengukuhan budaya masyarakat Melayu Muslim. Memandangkan sebahagian besar responden berkahwin dengan masyarakat Melayu Muslim, unsur-unsur penyerapan budaya tidak dapat dielakkan. Biar pun begitu, tidak semua masyarakat Cina pasca konversi berkongsi kegembiraan menyambut Tahun Baru Cina dengan menjemput jiran Melayu Muslim. Justeru, dalam konteks pelaksanaan dialog kehidupan sambutan Tahun Baru Cina lebih bersifat meraikan budaya yang diwarisi.

#### 5.4.2.3 Pengaruh Rakan Dan Jiran.

Jadual 5.21: Jalinan Dialog Kehidupan Melalui Rakan Dan Jiran

##### Statistics

		Dialog_Melayu9	Dialog_Melayu10	Dialog_Melayu11	Dialog_Melayu12	Dialog_Melayu13
N	Valid	86	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0	0
Mean		4.1163	3.9070	4.0698	3.8605	2.6977

Bil	Bah.D.ii.	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
84	9.	Saya mempunyai ramai rakan baru dari bangsa Melayu Muslim setelah memeluk Islam.	2 2.3%	2 2.3%	4 4.7%	54 62.8%	24 27.9%	4.12
85	10.	Saya juga sering kali berkongsi masalah dengan masyarakat Melayu Muslim.	2 2.3%	3 3.5%	7 8.1%	63 73.3%	11 12.8%	3.91
86	11.	Saya mempunyai jiran Melayu Muslim yang mengambil berat terhadap diri saya.	2 2.3%	1 1.2%	4 4.7%	61 70.9%	18 20.9%	4.07
87	12.	Saya sering menghantar makanan ke rumah jiran/rakan Melayu Muslim.	3 3.5%	6 7.0%	9 10.5%	50 58.1%	18 20.9%	3.86

88	13.	Saya juga menganggotai persatuan /jawatankuasa (seperti Masjid dan Surau) yang melibatkan etnik-etnik yang lain.	12	31	18	21	4	2.70
			14%	36%	20.9%	24.4%	4.7%	

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Azizan menyatakan bahawa peserta dialog mestilah mempunyai perasaan ‘empati’ terhadap rakan dialog.<sup>24</sup> Dalam perihal ini, majoriti masyarakat Cina Muslim mengakui bahawa mereka mempunyai ramai rakan Melayu Muslim setelah konversi agama. Justeru, ianya memberi ruang kepada Saudara Baru untuk berkongsi perasaan dengan masyarakat Melayu Muslim. Jadual 5.21 di atas menunjukkan skor min 4.12 dan 3.91 mata bagi item ke 9 dan 10 berada pada tahap yang tinggi. Selain daripada itu, masyarakat Cina Muslim mengakui mempunyai jiran Melayu Muslim yang mengambil berat terhadap kebajikan mereka dengan skala 4.07. Sebagai contoh, hubungan jiran yang melepasi tahap sederhana ini mendorong masyarakat Cina berkongsi kehidupan dengan bertukar-tukar makanan. Dapatan skor min 3.86 menunjukkan ianya berada pada tahap yang tinggi. Walaupun kebanyakan masyarakat Cina mengakui mempunyai rakan-rakan Melayu Muslim yang ramai setelah konversi, hasil dapatan menunjukkan pengalaman penglibatan masyarakat Cina Muslim yang melibatkan pelbagai etnik dalam Jawatankuasa Masjid atau Surau yang berada pada tahap yang sederhana apabila dapatan skor min hanya 2.70.

Ciri-ciri integrasi budaya Melayu ke dalam masyarakat Cina yang diekspresikan melalui bahasa, pakaian dan adat resam telah membentuk identiti yang tersendiri.<sup>25</sup> Natijahnya, masyarakat Cina Terengganu yang memeluk agama Islam agak mudah menyesuaikan diri dalam perkongsian kehidupan memandangkan pengalaman ini telah

<sup>24</sup> Azizan Baharudin, *Dialog Peradaban Perspektif Lokal dan Global*, 19.

<sup>25</sup> Tan Chee Beng, *Chinese Minority in A Malay State. The Case of Terengganu in Malaysia*, 72.

dilalui semasa pra konversi sebagaimana dijelaskan dalam bab yang ketiga. Namun begitu, perkongsian ini tidak diterjemahkan dengan baik dalam pelaksanaan aktiviti yang melibatkan jawatan kuasa dari multi etnik. Justeru, kecenderungan masyarakat Cina Muslim dalam melibatkan diri di dalam perkongsian aktiviti yang dilakukan oleh jawatan kuasa yang ditubuhkan di kampung, surau atau masjid memperlihatkan skala yang sederhana.

#### 5.4.2.4 Pengalaman Perkongsian Aktiviti Keagamaan.

Jadual 5.22: Dialog Kehidupan Berlatar Perkongsian Aktiviti Agama

##### Statistics

		Dialog_Melayu14	Dialog_Melayu15	Dialog_Melayu16
N	Valid	86	86	86
	Missing	0	0	0
Mean		4.1279	3.3023	3.9419

Bil	Bah.D.ii	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
89.	14.	Saya sering solat berjemaah, mendengar kuliah agama bersama orang Melayu Muslim.	0 0%	4 4.7%	5 5.8%	53 61.6%	24 27.9%	4.13
90.	15.	Saya melibatkan diri dalam menguruskan jenazah rakan Melayu Muslim yang meninggal dunia.	9 10.5%	16 18.6%	14 16.3%	34 39.5%	13 15.1%	3.30
91.	16.	Saya mengenal dan mempelajari budaya Melayu Muslim melalui perkongsian aktiviti agama.	1 1.2%	5 5.8%	7 8.1%	58 67.4%	15 17.4%	3.94

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Memupuk perpaduan merupakan satu usaha yang kompleks yang memerlukan perkongsian perasaan, emosi dan tindakan. Kadangkala usaha memerangi stereotaip yang negatif ini memerlukan tempoh yang panjang. Ini jugalah yang ditegaskan oleh Rosey Ma bahawa dalam kalangan masyarakat Cina yang melakukan konversi agak

keberatan melibatkan perkongsian aktiviti agama dengan masyarakat Melayu Muslim memandangkan mereka dianggap sebagai komuniti Muslim kelas kedua.<sup>26</sup> Biar pun begitu, berdasarkan jadual 5.22 didapati masyarakat Cina Muslim melakukan solat berjemaah dan mendengar kuliah agama bersama-sama dengan masyarakat Melayu Muslim berada pada tahap yang tinggi apabila skor min menunjukkan 4.13 mata. Pun begitu, pengalaman penglibatan dalam pengurusan jenazah rakan Melayu Muslim, perolehan min 3.30 menunjukkan perihal ini berada pada tahap yang sederhana. Selain daripada itu masyarakat Cina Muslim mengakui bahawa mereka banyak mempelajari budaya Melayu Muslim melalui perkongsian aktiviti agama. Biarpun didapati skor min 3.94, hasil dapatan menunjukkan darjah persetujuan berada pada tahap yang tinggi.

#### 5.4.2.5. Respons Masyarakat Melayu Muslim Terhadap Perkongsian Kegiatan.

Jadual 5.23: Respons Masyarakat Melayu Muslim Terhadap Dialog

		Statistics			
		Dialog_Melayu17	Dialog_Melayu18	Dialog_Melayu19	Dialog_Melayu20
N	Valid	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0
Mean		2.9419	3.6163	3.1512	4.0000

Bil	Bah.D.ii	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
92.	17.	Saya mengambil tempoh yang lama untuk membina hubungan dengan masyarakat Melayu Muslim.	9 10.5%	30 34.9%	9 10.5%	33 38.4%	5 5.8%	2.94
93.	18.	Masyarakat Melayu Muslim memahami budaya masyarakat Cina melalui perkongsian aktiviti.	5 5.8%	4 4.7%	16 18.6%	55 64%	6 7%	3.62
94.	19.	Masyarakat Melayu Muslim menerima perbezaan budaya Cina Muslim.	9 10.5%	13 15.1%	27 31.4%	30 34.9%	7 8.1%	3.15

<sup>26</sup>Wang, Rosey Ma, "Being Muslim And Chinese in Malaysia," dalam *Malaysia Chinese Recent Development and Prospect*, (ed. Lee Hock Guan & Lee Suryadinata, (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2012), 34-6.

95.	20.	Hubungan yang baik dengan masyarakat Melayu Muslim dapat merungkaikan (menghilangkan) masalah perbezaan budaya.	1 1.2%	1 1.2%	10 11.6%	59 68.6%	15 17.4%	4.00
-----	-----	---	-----------	-----------	-------------	-------------	-------------	------

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Hubungan antara etnik Cina Muslim dan Melayu Muslim memperlihatkan dalam kalangan Saudara Baru mengambil tempoh yang tertentu untuk menyesuaikan diri dalam hidup bersama. Berdasarkan jadual 5.23 sebagaimana di atas, sebanyak 38.4% bersetuju dan 5.8% sangat bersetuju dengan kenyataan ini berbanding hanya 34.9% yang tidak bersetuju dan 10.5% yang sangat tidak bersetuju. Justeru, skor min 2.94 menunjukkan darjah persetujuan berada pada tahap yang sederhana. Sehubungan dengan itu juga, responden juga mengakui bahawa dialog kehidupan menjadi satu instrumen kepada masyarakat Melayu Muslim memahami warisan budaya masyarakat Cina. Sebanyak 64% daripada responden menyatakan dialog kehidupan melalui perkongsian aktiviti mampu memberi kefahaman kepada masyarakat Melayu Muslim manakala sebanyak 7% menyatakan sangat bersetuju. Sebaliknya, 4.7% memilih untuk tidak bersetuju, 5.8% menyatakan sangat tidak bersetuju manakala sebanyak 18.6% untuk memberikan kata putus. Bertitik tolak daripada jawapan yang diberikan di atas, sebanyak 34.9% responden bersetuju dan 8.1% memilih sangat bersetuju menyatakan masyarakat Melayu Muslim menerima perbezaan budaya yang wujud dalam komuniti Cina Muslim. Pun begitu, jumlah responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini ialah sebanyak 15.1% dan sangat tidak bersetuju sebanyak 10.5% manakala 31.4% daripada mereka tidak memberi kepastian jawapan. Hasil dapatan menunjukkan pola skor min menurun kepada 3.15 mata, namun ia masih berada pada tahap yang sederhana. Walaupun, hasil dapatan soalan-soalan yang diberikan menunjukkan rata-ratanya berada pada skala yang

sederhana. Didapati pada soalan yang selanjutnya, skor min 4.00 memperlihatkan darjah persetujuan yang diperolehi adalah tinggi. Kebanyakan responden mengakui bahawa pengalaman dialog kehidupan pasca konversi yang berlaku dengan masyarakat Melayu Muslim mampu merungkaikan permasalahan yang membelenggu. Dalam perihal ini, sebanyak 68.8% responden bersetuju dan 17.4% memilih sangat bersetuju terhadap jawapan yang diberikan.

Jalinan dialog kehidupan yang berlaku antara masyarakat Cina pra konversi dengan masyarakat Melayu Muslim memperlihatkan ianya berada pada tahap sederhana, sebaliknya dialog kehidupan yang berlaku pada peringkat pasca konversi memaparkan ianya berada pada tahap yang tinggi. Mengambil kira budaya hidup dan adat resam masyarakat Melayu Muslim yang banyak berbaur dengan nilai-nilai keagamaan Islam, pendek kata pembelajaran tentang amalan Islam mendedahkan juga nilai budaya masyarakat tersebut. Mohd Taib Osman menyatakan bahawa faktor perbezaan agama menghalang komuniti Cina berasimilasi budaya masyarakat Melayu tempatan.<sup>27</sup> Justeru, konversi agama Islam memperlihatkan akulturasi budaya tempatan yang telah berlaku dalam kalangan masyarakat Cina Muslim berkembang kepada proses asimilasi. Lantaran itu, Rosey Ma menyatakan bahawa generasi Cina Muslim yang berikutnya akan berasimilasi budaya Melayu Muslim dalam segala ruang kehidupan.<sup>28</sup> Dapatan kajian temu bual yang dilakukan oleh penulis banyak menjelaskan dialog kehidupan yang berlaku antara masyarakat Cina Muslim dan Melayu Muslim dalam suasana saling menyokong antara satu sama lain. Biarpun wujud hubungan yang agak mencabar, namun ianya menunjukkan pola yang kecil yang bertitik tolak daripada masalah perbezaan bahasa, pemakanan dan penghayatan agama. Namun begitu, masalah yang kecil ini

---

<sup>27</sup>Mohd Taib Osman, "Integrasi Dan Asimilasi Budaya-Budaya Tradisional," dalam *Membina Bangsa Malaysia*, ed. Shamsul Amri Baharuddin et. al., (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 420.

<sup>28</sup>Wang, Rosey Ma, "Being Muslim And Chinese in Malaysia", 34-6.



sewajarnya tidak harus dibiarkan berakar umbi bagi mengelakkan kekeruhan yang lebih besar tercetus.

## 5.5 Faktor Mendorong Penglibatan Komuniti Cina Muslim Dalam Dialog Kehidupan.

Bagi mengetahui faktor yang menggalakkan masyarakat Cina Muslim terlibat dalam dialog kehidupan, responden ditanya tentang peranan badan-badan dakwah di negeri Terengganu, perasaan semasa terlibat dalam dialog, halangan dan permasalahan yang dihadapi.

### 5.5.1 Peranan Badan-Badan Dakwah.

Jadual 5.24: Peranan Badan Dakwah & NGO dalam Dialog Kehidupan

		Statistics			
		Faktor1	Faktor2	Faktor3	Faktor4
N	Valid	86	86	86	86
	Missing	0	0	0	0
Mean		3.0814	2.7907	2.7093	4.0349

Bil	Bah.E	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
93.	1.	Pihak Majlis Agama dan NGO Dakwah menjalankan banyak aktiviti yang dapat menghubungkan silaturahim antara masyarakat Cina Muslim dan masyarakat Melayu Muslim.	18 20.9%	8 9.3%	21 24.4%	27 31.4%	12 14%	3.08
94.	2.	Pihak Majlis Agama dan NGO Dakwah menjalankan banyak aktiviti yang dapat menghubungkan silaturahim antara masyarakat Cina Muslim dan masyarakat Cina bukan Muslim.	10 11.6%	33 38.4%	15 17.4%	21 24.4%	7 8.1%	2.79
95.	3.	Program yang dianjurkan oleh PERKIM/ NGO dakwah tersebut mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim dan bukan Muslim	15 17.4%	25 29.1%	24 27.9%	14 16.3%	8 9.3%	2.71
96.	4.	Saya merasakan perkongsian aktiviti dengan masyarakat Muslim yang lain merupakan aktiviti yang berfaedah	2 2.3%	5 5.8%	8 9.3%	44 51.2%	27 31.4%	4.03

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Samwini menyatakan ‘pengkayaan bersama’ (*mutual enrichment*) perbezaan hidup orang lain adalah penting bagi melestarikan pembangunan masyarakat dan bersama-sama merasai nikmat keamanan.<sup>29</sup> Ini jugalah yang dinyatakan oleh Azizan bahawa dialog dapat memperkukuhkan jalinan perpaduan negara dan integrasi nasional yang merupakan kunci kelangsungan dan kemapanan negara.<sup>30</sup> Berkait dengan ini, peranan agensi-agensi dakwah di negeri Terengganu seperti Darul Hidayah (di bawah pengurusan Pejabat Agama Terengganu), Persatuan Darul Fitrah, PERKIM dan MACMA bukan sekadar hanya pusat pengajaran agama Islam, malah badan-badan ini juga menjadi tempat Saudara Baru berjumpa, melakukan kegiatan aktiviti dan menghubungkan silaturahim. Dalam perihal ini, hasil dapatan menunjukkan peranan pihak majlis agama dan badan NGO dakwah dalam melaksanakan aktiviti yang menghubungkan silaturahim antara masyarakat Cina Muslim dan masyarakat Melayu Muslim berada pada tahap sederhana. Jadual 5.24 menunjukkan skor min yang diperoleh adalah 3.08 dengan 31.4% menyatakan bersetuju manakala 14% memilih sangat bersetuju. Biarpun begitu, bilangan yang menyatakan sangat tidak bersetuju adalah 20.9% dan hanya 9.3% memilih untuk tidak bersetuju. Selain daripada itu, sebanyak 24.4% tidak memberikan kepastian terhadap soalan yang diberikan. Responden selanjutnya ditanya tentang peranan pihak majlis agama dan badan-badan dakwah mengadakan aktiviti yang menghubungkan masyarakat Cina pasca konversi dengan masyarakat asal. Hasil dapatan menunjukkan darjah persetujuan juga berada pada tahap yang sederhana apabila skor min hanya mencapai 2.79 mata dengan sebanyak 24.4% yang bersetuju manakala 8.1% yang memilih sangat bersetuju. Bilangan yang tidak

---

<sup>29</sup> Samwini, N.I., The Need for and Importance of Dialogue of Life in Community Building: The Case of Selected West African Nations. A forum for academic, social, and timely issues affecting religious communities around the world. [www.irdialogue.org/submissions](http://www.irdialogue.org/submissions).

<sup>30</sup> Azizan Baharuddin, “Peranan Dialog Peradaban Di Dalam Wacana Tamadun Malaysia”, *Jurnal Peradaban – Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban*, Universiti Malaya, (2008), 2.

bersetuju merupakan jumlah yang terbanyak iaitu 38.4% manakala 11.4% memilih sangat tidak bersetuju. Situasi selanjutnya memperlihatkan pola yang semakin menurun pada soalan yang berikutnya apabila mata min yang diperolehi hanya 2.71 mata. Soalan ini meminta responden menetapkan pendirian sejauh mana program yang dijalankan mendapat sambutan masyarakat Melayu dan komuniti bukan Muslim. Hanya 16.3% yang memilih untuk bersetuju dan 9.3% menyatakan sangat bersetuju berbanding 29.1% menyatakan tidak bersetuju dan 17.4% menyatakan sangat tidak bersetuju manakala 27.9% responden tidak dapat memberi kepastian. Pun begitu darjah persetujuan menunjukkan perihal ini masih berada pada tahap yang sederhana

Biarpun begitu pada soalan yang seterusnya, hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan darjah persetujuan berada pada skala yang tinggi. Kebanyakan masyarakat Cina pasca konversi bersetuju menyatakan aktiviti yang dianjurkan oleh badan NGO tersebut memberi berfaedah. Justeru, skor min 4.03 menunjukkan ianya berada pada tahap yang tinggi. Ini bermakna, dialog kehidupan yang dilakukan oleh badan-badan dakwah dan pihak majlis agama memberi implikasi yang tersendiri dalam pemupukan hubungan toleransi antara agama, budaya dan kaum di negeri Terengganu.

Secara keseluruhannya, skala yang sederhana yang diperolehi menunjukkan hasil dapatan agak berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Azmi Suratman dan Azrinah yang mendapati faktor penglibatan komuniti yang berbeza agama dalam dialog antara agama di IPT berada pada tahap yang tinggi. Hasil dapatan kajian yang sederhana memperlihatkan badan-badan dakwah dan NGO Saudara Baru di negeri Terengganu berhadapan sedikit permasalahan dalam merealisasikan dialog kehidupan di negeri Terengganu. Justeru, dapatan ini serba sedikit menyokong kajian yang dilakukan oleh Mohd Zaid Mohd Zain di Negeri Sembilan yang mendapati peranan PERKIM agak

kurang berkesan dalam memberi pemahaman tentang agama Islam menyebabkan wujud dalam kalangan Saudara Baru yang ingin kembali semula ke ajaran asal.<sup>31</sup>

### 5.5.2 Dorongan Untuk Melibatkan Diri Dalam Dialog Kehidupan.

Jadual 5.25: Naluri Cina Muslim Terhadap Dialog Kehidupan

		Report				
Jangka masa		Faktor5	Faktor6	Faktor7	Faktor8	Faktor9
1-5	Mean	3.7500	3.9167	3.6667	3.5000	2.9167
	N	12	12	12	12	12
	Std. Deviation	1.21543	.99620	1.30268	1.44600	1.16450
5-10	Mean	3.1852	3.8519	4.1481	3.5185	2.8889
	N	27	27	27	27	27
	Std. Deviation	1.11068	.71810	.76980	1.22067	1.31071
lebih 15	Mean	3.5319	3.7660	3.6383	3.6383	3.1489
	N	47	47	47	47	47
	Std. Deviation	1.03946	.86509	.79196	1.03052	1.19744
Total	N	86	86	86	86	86
	Std. Deviation	1.09175	.83330	.89205	1.14239	1.22184

Bil	Bah. E	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
97.	5.	Keikhlasan saya berada tahap yang tinggi mengikuti aktiviti yang dianjurkan	1 1.2%	24 27.9%	9 10.5%	39 45.3%	13 15.1%	3.45
98.	6.	Penglibatan dalam aktiviti orang Islam semasa saya bukan Muslim didorong naluri ingin tahu	1 1.2%	7 8.1%	12 14%	53 61.6%	13 15.1%	3.81
99.	7.	Penglibatan dalam aktiviti masyarakat Cina bukan Muslim semasa saya Islam didorong oleh semangat cintakan keluarga	1 1.2%	6 7%	20 23.3%	41 47.7%	18 20.9%	3.80
100.	8.	Sebelum Muslim, saya membaca bahan-bahan bacaan tentang agama Islam	3 3.5%	18 20.9%	9 10.5%	38 44.2%	18 20.9%	3.58
101.	9.	Sebelum Muslim, saya menonton dokumentari tentang agama Islam	10 11.6%	25 29.1%	10 11.6%	34 39.5%	7 8.1%	3.03

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

<sup>31</sup>Mohd Zaid Mohd Zain, 2004, "Kesan Pengajaran Dan Pendidikan Agama Di Kalangan Saudara Baru: Kajian di PERKIM Negeri Sembilan", (Disertasi MA, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Seterusnya responden juga ditanya tentang tahap kejujuran semasa mengikuti aktiviti dialog kehidupan yang dianjurkan. Berdasarkan kepada jadual 5.25, kebanyakan responden menyangkal bahawa keikhlasan mereka berada tahap yang rendah apabila sebanyak 45.3% bersetuju dan 15.1% sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan. Namun begitu, jumlah yang tidak bersetuju dengan soalan ini ialah sebanyak 27.9% dan hanya 1.2% yang sangat tidak setuju. Oleh itu, skor min 3.45 menunjukkan darjah persetujuan berada pada tahap yang sederhana. Berdasarkan kepada jadual di atas juga, ternyata golongan yang memeluk agama Islam melebihi 15 tahun lebih tinggi menafikan keikhlasan dalam melaksanakan dialog kehidupan diikuti kumpulan yang memeluk agama Islam 1 hingga 5 tahun dan 6 hingga 15 tahun.

Selain daripada itu, responden juga mengakui bahawa penglibatan dalam dialog kehidupan adalah kerana naluri ingin tahu berada pada tahap tinggi dengan skor min menunjukkan 3.81 mata. Sehubungan dengan itu sebanyak 61.6% daripada responden yang memilih untuk bersetuju dan sebanyak pula 15.1% pula menyatakan sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan. Didapati kelompok yang memeluk agama Islam 1 hingga 5 tahun merupakan kelompok yang paling tinggi bersetuju dengan soalan yang diberikan diikuti oleh kumpulan 6 hingga 15 tahun dan 15 tahun ke atas.

Dalam konteks hubungan intra etnik, majoriti masyarakat Cina Muslim menyatakan bahawa perkongsian aktiviti dengan keluarga asal adalah didorong oleh perasaan cintakan keluarga. Justeru itu, skor min 3.80 menunjukkan darjah persetujuan berada pada tahap yang tinggi dengan 47.7% memilih untuk bersetuju dan 20.9% berpendirian sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan. Hasil dapatan juga menunjukkan kelompok yang memeluk agama Islam 6 hingga 15 tahun darjah persetujuan yang tinggi, diikuti oleh kumpulan 1 hingga 5 dan 15 tahun ke atas.

Pembacaan buku-buku yang berkaitan tentang agama Islam dan pemerhatian terhadap rancangan keagamaan siaran agama Islam turut menyumbang masyarakat Cina pra konversi terhadap penglibatan diri dalam dialog kehidupan. Masing-masing skor min 3.58 mata dan 3.03 mata menunjukkan dorongan ini berada pada tahap yang sederhana. Bagi kedua-dua item ini, ternyata siaran dan buku-buku yang bercorak agama Islam menjadi detik permulaan bagi kelompok yang memeluk agama Islam lebih 15 tahun memahami dan mengenal agama Islam.

Nyatalah bahawa penglibatan komuniti Cina dalam dialog kehidupan pada sebelum, semasa dan selepas konversi agama Islam bertujuan menghapuskan imaginasi, penghayatan dan pandangan salah yang sebelumnya terbuka dalam fikiran. Rahimin menyatakan bahawa dialog turut merupakan tindak balas (*reaction*) kepada masalah dan kemelut yang timbul, atau dengan kata lain, ia adalah bersifat pragmatik.<sup>32</sup> Selagi mana permasalahan dan kemelut itu tidak dirungkai maka selagi itulah kehidupan manusia akan diselubungi prasangka. Dalam perihal ini, Osman Bakar menyatakan '*ignorance breeds prejudice and prejudice breeds hates*'<sup>33</sup> menunjukkan bahawa dialog amat diperlukan bagi menghapuskan segala prasangka yang menyelubungi kehidupan manusia yang pelbagai sifat agamanya. Wang menyatakan bahawa masyarakat Cina bimbang ahli keluarga memeluk agama Islam akan memutuskan hubungan kekeluargaan dan meninggalkan budaya yang diwarisi sejak turun-temurun.<sup>34</sup> Hasil kajian memperlihatkan komuniti Cina Muslim memupuk hubungan silaturahim melalui dialog kehidupan yang lazim dilakukan dengan pelbagai cara. Hubungan pasca konversi

---

<sup>32</sup> Rahimin Affandi et al., Dialog Antara Agama: Realiti Dan Prospek Di Malaysia, *Kajian Malaysia*, Vol. 29, No.2, (2011), 93.

<sup>33</sup> Osman Bakar, "Challenges to Dialogue of Civilizations And Ways of Overcoming Them," in *Dialogue of Civilizations and The Construction of Peace*, ed. Thomas W. Simon & Azizan Baharuddin, (Kuala Lumpur : Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya), 24.

<sup>34</sup> Wang, Rosey Ma, "Shifting Identities: Chinese Muslims in Malaysia". *Asian Ethnicity Journal*. Vol. 6, No.2 (Jul 2005), 199.

masyarakat Cina ini dimanifestasikan melalui aktiviti ziarah, memberi bantuan, mendampingi ahli keluarga yang menghadapi kesedihan, meraikan kegembiraan mereka dan sentiasa memenuhi undangan demi menjaga kelestarian persaudaraan yang sebelum ini telah terjalin.

### 5.5.3 Halangan Dalam Melaksanakan Dalam Dialog Kehidupan.

Jadual 5.26: Kekangan dalam Dialog Kehidupan

		Report		
Jangka_masa		Cabaran10	Cabaran11	Cabaran12
1-5	Mean	3.6667	3.5833	3.9167
	N	12	12	12
	Std. Deviation	.77850	.90034	.79296
6-15	Mean	3.2222	3.6296	3.5556
	N	27	27	27
	Std. Deviation	1.21950	1.11452	1.15470
lebih 15	Mean	2.9574	2.8085	2.7872
	N	47	47	47
	Std. Deviation	.99907	1.07619	.97660
Total	Mean	3.1395	3.1744	3.1860
	N	86	86	86
	Std. Deviation	1.06454	1.12920	1.10093

Bil	Bah. E	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
102.	10.	Perbezaan etnik menjadi halangan melaksanakan hubungan yang baik.	5 5.8%	23 26.7%	18 20.9%	35 40.7%	5 5.8%	3.14
103.	12.	Suasana politik persekitaran mempengaruhi hubungan antara agama dilaksanakan.	4 4.7%	27 31.4%	14 16.3%	32 37.2%	9 10.5%	3.17
103.	11.	Salah faham terhadap agama Islam menjadi penghalang hubungan yang baik dapat dijalinkan dengan keluarga.	5 5.8%	22 25.6%	19 22.1%	32 37.2%	8 9.3%	3.18

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Hasil dapatan berdasarkan jadual 5.26 menunjukkan bahawa responden berpendapat faktor perbezaan etnik menjadi penghalang melaksanakan aktiviti dialog kehidupan sebanyak 40.7% memilih untuk bersetuju dan hanya 5.8% menyatakan sangat bersetuju. Sebaliknya, 26.7% daripada mereka menyatakan tidak bersetuju, 5.8% memilih untuk tidak bersetuju manakala 20.9% memberi jawapan yang tidak pasti.

Biarpun begitu, perolehan skor min 3.14 mata menunjukkan darjah persetujuannya masih berada pada tahap yang sederhana. Jika dilihat berdasarkan tempoh pemeluk agama Islam, ternyata kumpulan 1 hingga 5 tahun memberi darjah persetujuan yang paling tinggi, diikuti kumpulan yang telah memeluk agama Islam selama 6 hingga 15 tahun dan kumpulan lebih daripada 15 tahun.

Selanjutnya, sebanyak 37.2% memilih untuk bersetuju dan 10.5% menyatakan sangat bersetuju dengan soalan suasana politik semasa di negeri Terengganu sedikit sebanyak mempengaruhi perjalanan hubungan antara agama. Sebaliknya 31.4% berpendirian tidak bersetuju dan 4.7% sangat tidak bersetuju manakala 16.3% daripada responden tidak dapat memberi keputusan. Skor min 3.17 menjadi tanda aras bahawa darjah persetujuan masih berlegar dalam lingkungan yang sederhana. Walau bagaimana pun kelompok yang memeluk agama Islam 6 hingga 15 tahun mencatatkan skor min yang tertinggi berbanding kumpulan yang telah memeluk agama Islam 1 hingga 5 tahun dan lebih dari 15 tahun.

Bagi soalan yang seterusnya sebanyak 37.2% berpendirian bersetuju dan 9.3% menyatakan sangat bersetuju bahawa salah faham terhadap agama Islam menjadi faktor yang menghalang hubungan antara etnik dapat dijalinan dengan baik. Pun begitu, sebanyak 25.6% memilih untuk tidak bersetuju dan 5.8% menyatakan sangat tidak bersetuju manakala sebanyak 22.1% tidak memberi kepastian terhadap soalan yang diberikan. Skor min 3.19 menunjukkan darjah persetujuan berada pada situasi yang sederhana. Jawapan yang diberikan juga memperlihatkan *trend* yang sama sebagaimana soalan di atas apabila kelompok 1 hingga 5 tahun mencatatkan skor min yang paling tinggi berbanding kumpulan 6 hingga 15 tahun dan lebih 15 tahun.

Ismail Faruqi menyatakan bahawa dialog mampu membuang semua batasan di antara manusia supaya wujudnya perbincangan idea bebas yang bertujuan memberi



kemenangan kepada idea yang benar.<sup>35</sup>Biarpun begitu, hasil kajian di atas menunjukkan masih terdapat dalam kalangan komuniti Cina yang merasakan bahawa perbezaan yang wujud dalam agama, etnik dan budaya menjadi faktor penghalang dalam melaksanakan dialog kehidupan. Dalam perihal ini Azmi Suratman dan Azrinah menyatakan bahawa wujud individu yang masih berpegang kepada budaya eksklusif yakni enggan mengiktiraf perbezaan yang ada pada agama lain walhal mereka tinggal dalam komuniti yang pluralistik.<sup>36</sup>

#### 5.5.4 Cabaran Dalam Merealisasikan Dialog Kehidupan Inter/Intra Etnik

Jadual 5.27: Cabaran Dialog Kehidupan

		Report								
Jangka masa		Cabaran13	Cabaran14	Cabaran15	Cabaran16	Cabaran17	Cabaran18	Cabaran19	Cabaran20	Cabaran21
1-5	Mean	3.9167	3.5833	2.8333	4.0833	3.2500	2.4167	3.4167	3.5833	3.5000
	N	12	12	12	12	12	12	12	12	12
	Std. Deviation	1.31137	1.16450	1.40346	86856	1.48477	1.16450	1.44338	1.31137	1.50756
5-10	Mean	3.2963	3.5926	3.3333	3.4444	2.3704	3.0370	3.0741	2.8148	3.8148
	N	27	27	27	27	27	27	27	27	27
	Std. Deviation	1.13730	1.39392	1.17670	1.18754	1.14852	1.31505	1.20658	1.46857	1.30198
lebih 15	Mean	3.8298	2.8936	2.5319	3.8511	3.1489	2.1489	3.5957	3.4894	3.8723
	N	47	47	47	47	47	47	47	47	47
	Std. Deviation	1.00691	1.23771	1.26579	1.10294	1.26798	99954	1.07662	1.19550	1.05536
Total	Mean	3.6744	3.2093	2.8256	3.7558	2.9186	2.4651	3.4070	3.2907	3.8023
	N	86	86	86	86	86	86	86	86	86
	Std. Deviation	1.11082	1.31163	1.29426	1.09476	1.30353	1.18518	1.18200	1.32724	1.19627

Bil	Soalan	STS	TS	TP	S	SS	Min
105.	13. Saya dapat menggunakan bahasa Melayu dengan baik ketika berinteraksi.	4 4.7%	14 16.3%	5 5.8%	46 53.5%	17 19.8%	3.67
106.	14. Saya menerima tekanan dari masyarakat Cina bukan Muslim setelah saya memeluk Islam	5 5.8%	33 38.4%	5 5.8%	25 29.1%	18 20.9%	3.20
107.	15. Masyarakat Melayu Muslim memandang rendah kepada saya setelah saya memeluk agama Islam	10 11.6 %	38 44.2%	7 8.1%	19 22.1%	12 14%	2.83
108.	16. Saya merasa selesa tinggal di persekitaran masyarakat Melayu Muslim walaupun saya telah Muslim	7 8.1%	6 7%	4 4.7%	53 61.6%	16 18.6%	3.76

<sup>35</sup>Ismail Faruqi, *Islam Dan Kepercayaan Lain*, Terj: Zulkiplee Abd Ghani, (Kuala Lumpur: ITNMB, 2008), 361.

<sup>36</sup> Azmi Shah Suratman & Azrinah Abdul Rahah, *Persepsi Pelajar Terhadap Dialog Antara Agama: Kajian Dalam Kalangan Pelajar Tahun 4, Fakulti Pendidikan*. (Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2010), 8.

109.	17.	Saya merasa selesa tinggal di persekitaran masyarakat yang bukan Muslim setelah saya Muslim	12 14%	31 36%	4 4.7%	30 34.9%	9 10.5%	2.92
110.	18.	Saya merasa tertekan melibatkan diri dalam aktiviti seharian dengan kelompok Melayu Muslim	12 14%	50 58.1%	5 5.8%	10 11.6%	9 10.5%	2.47
111.	19.	Saya dapat membezakan antara program agama dan program yang bersifat budaya Melayu	8 9.3%	15 17.4%	7 8.1%	46 53.5%	10 11.6%	3.41
112.	20.	Saya mengetahui larangan agama semasa melibatkan aktiviti budaya masyarakat asal	13 15.1 %	15 17.4%	4 4.7%	42 48.8%	12 14%	3.29
113.	21.	Masyarakat Melayu Muslim memberi sokongan setelah saya Muslim	8 9.3%	5 5.8%	8 9.3%	40 46.5%	25 29.1%	3.80

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Berdasarkan jadual 5.27, hasil dapatan menunjukkan kebanyakan responden bersetuju menyatakan bahawa mereka dapat berinteraksi menggunakan bahasa Melayu dengan baik ketika melibatkan diri dalam dialog kehidupan. Biarpun begitu, sebanyak 16.7% yang tidak bersetuju dan 4.7% sangat tidak bersetuju terhadap soalan yang dikemukakan. Justeru itu, perolehan skor min 3.65 darjah persetujuan menunjukkan keupayaan komuniti Cina Muslim menggunakan bahasa Melayu berada pada skala yang sederhana. Hasil dapatan juga menunjukkan kelompok yang memeluk agama Islam 6 hingga 10 tahun memberi skala persetujuan yang rendah terhadap soalan yang diberikan berbanding kelompok 1 hingga 5 tahun dan lebih daripada 15 tahun.

Hasil kajian selanjutnya mendapati bahawa masyarakat Cina Muslim pernah berhadapan cabaran menjalinkan hubungan dengan masyarakat asal berada pada tahap sederhana apabila skor min mencatatkan 3.20. Jumlah yang tidak bersetuju sebanyak 38.4% manakala jumlah yang bersetuju pula ialah sebanyak 29.1% dan sangat bersetuju sebanyak 20.9%. Dalam perihal ini, kelompok yang memeluk agama Islam 6 hingga 15 tahun dan 1 hingga 5 tahun memberi darjah persetujuan yang lebih tinggi daripada

kumpulan yang telah memeluk agama Islam lebih daripada 15 tahun. Ini bermakna dalam pembinaan hubungan melalui aplikasi dialog kehidupan bagi menjelaskan kebenaran agama Islam kepada ahli keluarga memerlukan masa yang tertentu agar ianya tidak memberi satu kejutan kepada kedua-dua belah pihak.

Begitu juga bagi soalan pada item 15, didapati walaupun jumlah yang terbesar adalah golongan yang mewakili tidak bersetuju iaitu sebanyak 44.2%, namun jumlah 22.1% yang memilih untuk bersetuju dan 14% menyatakan sangat bersetuju dengan soalan yang dikemukakan menunjukkan wujud cabaran dalam melaksanakan dialog kehidupan dengan masyarakat Melayu Muslim. Pun begitu, darjah persetujuan berada dalam situasi yang sederhana apabila skor min yang diperolehi adalah 2.83 mata. Hasil kajian juga mendapati kumpulan yang memeluk agama Islam 6 hingga 15 tahun merupakan kelompok yang memberi darjah persetujuan yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan 1 hingga 5 tahun dan lebih daripada 15 tahun.

Selanjutnya didapati kebanyakan responden berpandangan bahawa mereka merasa selesa tinggal di persekitaran komuniti Melayu Muslim. Sebanyak 61.6% yang memilih bersetuju dan 18.6% menyatakan sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan. Biarpun begitu, skor min 3.76 menunjukkan darjah persetujuan terhadap soalan yang diberikan adalah sederhana. Didapati kelompok yang memeluk agama Islam 1 hingga 5 tahun memberi darjah persetujuan yang lebih tinggi berbanding kumpulan 6 hingga 15 tahun dan 15 tahun ke atas.

Berbanding dengan soalan yang seterusnya, responden diminta untuk mengemukakan pendirian 'keselesaan tinggal dalam kalangan keluarga atau komuniti asal'. Sebanyak 36% yang tidak bersetuju dan 14% menyatakan sangat tidak bersetuju

sebaliknya 34.9 memilih untuk bersetuju dan 10.5% sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan. Justeru itu, skor min 2.92 menunjukkan darjah persetujuan juga masih berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian juga mendapati, kelompok yang memeluk agama Islam 6 hingga 15 tahun memberi darjah persetujuan yang lebih rendah daripada kelompok yang memeluk agama Islam 1 hingga 5 tahun dan lebih 15 tahun. Justeru itu, dapatan kajian menunjukkan responden lebih selesa tinggal di persekitaran masyarakat Melayu Muslim berbanding dengan persekitaran masyarakat Cina bukan Muslim. Berdasarkan temu bual yang telah dilakukan, faktor ini didorong oleh mengelakkan sebarang sensitiviti yang menyentuh agama dan budaya apatah lagi komuniti Cina Muslim mendirikan rumah tangga dengan memilih pasangan dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim.

Bagi soalan yang berikutnya, hasil dapatan skor min 2.47 mata menunjukkan hanya terdapat sebahagian kecil masyarakat Cina Muslim merasa tertekan melibatkan diri dalam aktiviti bersama masyarakat Melayu Muslim. Sebanyak 11.6% menyatakan bersetuju dan 10.5% berpendirian sangat bersetuju terhadap soalan yang diberikan. Biar pun, majoriti responden tidak bersetuju dengan soalan ini namun skor min memperlihatkan ia berada pada tahap yang sederhana. Kelompok yang memeluk agama Islam lebih daripada 15 tahun memberi darjah persetujuan yang lebih rendah berbanding kumpulan yang memeluk agama Islam 1-5 tahun dan 6-15 tahun.

Begitu juga dalam soalan seterusnya, dapatan skor min 3.41 menjelaskan hanya segelintir masyarakat Cina Muslim yang tidak dapat membezakan program yang bersifat agama dan program budaya. Sebanyak 17.4% yang memilih tidak bersetuju dan 9.3% menyatakan sangat tidak bersetuju bahawa mereka tidak dapat membezakan antara agama dan budaya masyarakat Melayu Muslim. Walaupun begitu hasil dapatan ini

menunjukkan darjah persetujuan masih berada pada skala yang sederhana. Kumpulan yang memeluk agama Islam lebih daripada 15 tahun memberi nilai persetujuan yang lebih tinggi daripada kumpulan 1 hingga 5 tahun dan diikuti kumpulan yang memeluk agama Islam 6 hingga 15 tahun.

Hasil dapatan seterusnya juga menunjukkan hanya sebahagian kecil masyarakat Cina Muslim tidak mengetahui larangan-larangan agama semasa melaksanakan aktiviti kebudayaan Cina. Mereka terdiri daripada responden yang menyatakan tidak bersetuju sebanyak 17.4% dan sangat tidak bersetuju sebanyak 15.1%. Namun begitu, skor min 3.29 menunjukkan darjah persetujuan masih berada pada tahap yang sederhana dengan kumpulan yang telah memeluk agama Islam 1 hingga 5 tahun lebih tinggi daripada kelompok yang memeluk agama Islam 15 tahun ke atas dan 6 hingga 15 tahun.

Berdasarkan kepada dapatan di atas juga majoriti masyarakat Cina Muslim menafikan bahawa masyarakat Melayu Muslim tidak memberi sokongan dalam melaksanakan dialog kehidupan. Perolehan skor min 3.80 menunjukkan darjah persetujuan responden dalam soalan ini melepasi tahap yang tinggi. Hanya 5.8% yang tidak bersetuju dan 9.3% yang sangat tidak bersetuju terhadap soalan yang dikemukakan.

Jadual 5.28: Perbezaan Cabaran Min Mengikut Jantina

Group		Cabaran13	Cabaran14	Cabaran15	Cabaran16	Cabaran17	Cabaran18	Cabaran19	Cabaran20	Cabaran21	Total
Statistics		Mean	Mean	Mean	Mean	Mean	Mean	Mean	Mean	Mean	Mean
Jantina	N										
lelaki	44	2.2500	3.0909	2.9545	2.2727	3.1591	2.4091	2.7045	2.7500	2.2500	2.6490
perempuan	42	2.4048	3.3333	2.6905	2.2143	3.0000	2.5238	2.4762	2.6667	2.1429	2.6057

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014.

Selanjutnya, analisis t sampel tidak bersandar digunakan bagi membandingkan skor min cabaran yang dilalui oleh Saudara Baru Cina mengikut jantina. Berdasarkan jadual 5.28, hasil dapatan menunjukkan golongan wanita lebih merasai tekanan daripada golongan lelaki. Skor min yang diperolehi oleh golongan wanita bagi keseluruhan item ialah sebanyak (2.6057) manakala skor min yang diperolehi oleh golongan lelaki ialah sebanyak (2.6490). Apabila diperincikan setiap item ini dengan menggunakan keputusan ujian-t, ianya membuktikan tidak wujud perbezaan yang signifikan cabaran yang dihadapi oleh Saudara Baru Cina lelaki dan perempuan *apabila Levene's test* bagi item yang ke 13 (keupayaan menggunakan bahasa Melayu dengan baik) adalah  $< 0.05$  dan nilai signifikan (*2 tailed*) dalam jadual ini menunjukkan  $p = 0.524$ ,  $p > 0.05$ . Begitu juga, bagi item 14 hingga 21, didapati tidak wujud perbezaan yang signifikan apabila kesemua min yang diperolehi menunjukkan *Levene's test*  $> 0.05$  dan nilai signifikan (*2-tailed*) sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual 5.29 di bawah dengan nilai  $p > 0.05$ . Mengikut Mohd Rafi apabila tahap signifikan ini lebih besar ( $p$ ) daripada 0.05 ( $p > 0.05$ ) maka hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua pemboleh ubah.<sup>37</sup>

---

<sup>37</sup>Mohd Rafi Yaacob, *PASW (SPSS) Statistics 18 For Business And Social Science Students*, (Kota Bharu: Eduserve Resources, 2011), 91.

Jadual 5.29: Analisis Ujian T Cabaran Mengikut Jantina.

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means							
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference		
										Lower	Upper
Cabaran13	Equal variances assumed	6.219	.015	-.644	84	.522	-.15476	2.4046		-.63294	.32342
	Equal variances not assumed			-.640	78.712	.524	-.15476	2.4167		-.63582	.32630
Cabaran14	Equal variances assumed	.497	.483	-.855	84	.395	-.24242	2.8340		-.80599	.32114
	Equal variances not assumed			-.856	83.937	.395	-.24242	2.8327		-.80574	.32089
Cabaran15	Equal variances assumed	.333	.565	.945	84	.347	.26407	2.7938		-.29150	.81964
	Equal variances not assumed			.946	83.996	.347	.26407	2.7902		-.29080	.81894
Cabaran16	Equal variances assumed	.000	.996	.246	84	.806	.05844	2.3748		-.41382	.53070
	Equal variances not assumed			.246	83.897	.806	.05844	2.3741		-.41369	.53057
Cabaran17	Equal variances assumed	.000	.997	.563	84	.575	.15909	2.8234		-.40237	.72055
	Equal variances not assumed			.563	83.571	.575	.15909	2.8250		-.40274	.72092
Cabaran18	Equal variances assumed	1.278	.261	-.447	84	.656	-.11472	2.5688		-.62556	.39612
	Equal variances not assumed			-.445	82.079	.657	-.11472	2.5753		-.62701	.39758
Cabaran19	Equal variances assumed	.242	.624	.895	84	.374	.22835	2.5529		-.27931	.73602
	Equal variances not assumed			.894	83.646	.374	.22835	2.5539		-.27956	.73627
Cabaran20	Equal variances assumed	1.647	.203	.289	84	.773	.08333	2.8787		-.48913	.65580
	Equal variances not assumed			.290	83.929	.773	.08333	2.8736		-.48812	.65478
Cabaran21	Equal variances assumed	.231	.632	.413	84	.681	.10714	2.5933		-.40857	.62265
	Equal variances not assumed			.414	83.964	.680	.10714	2.5892		-.40775	.62203

Sumber: Soal Selidik, 15 Dis. 2013- 30 Jan. 2014

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Swidler bahawa matlamat dialog ialah setiap peserta mempelajari nilai yang ada pada orang lain ‘*each side to learn and learn accordingly*’.<sup>38</sup> Skala yang sederhana memperlihatkan bahawa wujud dalam kalangan komuniti Cina Muslim di negeri Terengganu pernah melalui cabaran yang pelbagai dalam melaksanakan dialog kehidupan. Justeru itu, dapatan kajian di atas sedikit sebanyak menyokong kajian yang dilakukan oleh Suraya Sintang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali yang menyatakan bahawa individu yang terlibat dalam konversi agama sering tidak dialu-alukan. Dalam kalangan komuniti agama asal, mereka dianggap sebagai pembelot atau ‘*defector*’ manakala dalam kalangan komuniti agama baru mereka dilabel sebagai ‘penganut agama palsu’.<sup>39</sup> Hal ini menyebabkan dalam kalangan Saudara Baru merasa dipinggirkan oleh dua kelompok iaitu komuniti asal dan

<sup>38</sup> Swidler, L., *Dialogue in Malaysia and the Global scenario*, (Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, 2003), 62.

<sup>39</sup> Suraya Sintang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Saudara Baru dan Peranannya Dalam Arena Dialog Antara Agama”, dalam *Seminar Pemikiran Islam III, Sudut Pandangan Islam Dalam Diskusi Sesama Muslim*, (2012), 88.

komuniti Muslim perdana.<sup>40</sup> Mohd Nor Manuty menyatakan bahawa kedangkalan pengetahuan tentang budaya masyarakat yang lain menyebabkan timbulnya beberapa persepsi yang pasif.<sup>41</sup>

Meskipun kajian ini menerokai persepsi tahap kefahaman dan aplikasi masyarakat Cina Muslim dalam dialog kehidupan di negeri Terengganu, dapatan kajian ini mengukuhkan lagi kajian kualitatif yang dijalankan oleh penulis. Lantaran itu, gabungan dapatan kajian yang bersifat triangulasi ini menjelaskan secara terperinci pengalaman dialog kehidupan masyarakat Cina Muslim dalam segenap aspek.

---

<sup>40</sup> Wang, Rosey Ma, "Ethnicization of Islam in Malaysia and Its Effect On The Malaysian Chinese Muslims,". *First International Conference of The Asian Philosophical Association*. The Vision of The Asian Community, Istanbul, Turkey, (29 September – 2 October)., 292-4.

<sup>41</sup> Mohd Nur Manuty. *Islam Dan Toleransi Budaya Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia: Beberapa Catatan*, (2009), 3.